

HUBUNGAN ETNIK DI KALANGAN ORANG ASLI.  
( SATU KAJIAN ETNOGRAFI TERHADAP ORANG TEMIAR DI  
KAMPUNG CHENGKELIK, RPS KUALA BETIS, KELANTAN ).

Tetapan untuk:

Baraka yang ini adalah

dan yang dipertanggungjawabkan

OLEH

SABIHAH BINTI IBRAHIM

NO. MATRIK: 047326

LATIHAN ILMIAH  
UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESSI 1988/89

PENGHARGAAN. Tok, Ma, Bush, P, Njang, M. Wdak, Chu, Cik dan keluarga  
sarie Kak Aro, kehadiran kalian membuatku,

Pertama sekali saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap-  
kan ribuan terima kasih kepada Dr. Alberto Gomes selaku Penyelia saya  
yang tidak pernah jemu-jemu menyemak dan memberi pandangan serta bantuan  
ketika diperlukan. Pertolongan beliau tanpa mengira waktu sehingga  
terhasilnya Latihan Ilmiah ini amat saya hargai.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga  
kepada penduduk Kampung Chengkelik yang telah sudi menerima saya dan  
menghulurkan bantuan sepanjang kajian ini dijalankan. Kepada Pak Chu,  
Mak Chu, Kak Kiah, Pak Cik Arom, Pak Cik Abailum, Abang Agor dan lain-  
lain, budi kalian tetap saya kenang.

Ucapan yang sama juga ingin saya tujukan kepada Jabatan Hal Ehwal  
Orang Asli Cawangan Gua Musang dan Kuala Betis khasnya, terutamanya buat  
Cik Mat dan keluarga, Pak Cik Hassan, Pak Cik Fauzi, Pak Cik Mat, Pak Cik  
Nor dan Pak Cik Nazir. Juga kepada pegawai-pegawai FELCRA di Panggong  
Lalat serta guru-guru Sekolah Kebangsaan Kuala Betis, terima kasih di  
atas kesudian memberikan pertolongan dan kerjasama.

Terima kasih juga kepada pihak Institut Pengajian Tinggi, Universiti  
Malaya di atas pembiayaan kajian ini di bawah Projek Hubungan Etnisiti  
di kalangan masyarakat Malaysia.

Tidak ketinggalan juga kepada guru-guru dan teman-teman yang telah  
memberi sokongan moral dan perangsang terutamanya Marteezana, Hatika  
Zamin dan Naszh, jasa dan persahabatan kalian amat ku hargai.

Buat Tok, Wa, Ngah, P. Njang, M. Ndak, Chu, Cik dan keluarga serta Kak Are, kehadiran kalian membahagiakanku,

Akhir sekali buat keluarga tercinta, Ayah, Mak, Abang dan Adik Kecil, terima kasih atas kasih sayang, pengorbanan, dorongan dan harapan yang tidak pernah pudar dalam usahaku mengejar kejayaan. Doe restu kalian sentiasa mengiringi perjalanan hidup ini.

Penulisan ini dilakukan dalam tujuh bab mengikut susunan yang berikut:


Bab 1: Menyatakan tujuan kajian dilakukan, bidang yang dikaji serta kaedah yang digunakan termasuk yang digunakan untuk mengenalpasti...

Bab 2: Latar belakang Jarak Tempuh dan Masa Identifikasi, Bahasa, Asrama Seksyen 16. Januari 1989.

Bab 3: Latar belakang dan definisi kampung yang dikaji dari sudut sejarah, demografi, ekonomi dan kemasyarakatan yang telah dicapai.

Bab 4: Perhubungan dan interaksi antara penduduk kampung ini dengan masyarakat luar melalui peranan orang tengah, peralihan barang dan perkhidmatan kepada masyarakat di sini.

Bab 5: Hubungan dengan kerajaan dari segi projek-projek yang dilaksanakan serta di samping itu peranan yang dimainkan oleh orang-orang kampung dalam proses pembangunan masyarakat ini dengan masyarakat luar.



SINOPSIS.

Kajian ini dilakukan di Kampung Chengkelik, RPS Kuala Betis, Kelantan. Ianya bertujuan untuk mengetahui kehidupan Orang Asli di sini dengan lebih mendalam serta melihat sejauhmanakah perhubungan etnik yang wujud di antara mereka dengan masyarakat luar dan kebenaran bahawa Orang Asli adalah masyarakat yang terasing dan tertutup.

Penulisan ini dilakukan dalam tujuh bab mengikut aspek-aspek yang berlainan.

Bab 1: Menerangkan tujuan kajian dilakukan, bidang yang dikaji serta kaedah yang digunakan dan masalah yang timbul serta cara mengatasinya.

Bab 2: Latar belakang Orang Temiar dari segi identifikasi, bahasa, Organisasi sosio-politik serta kegiatan ekonomi tradisi mereka. Bab ini memberikan gambaran asas tentang perkaitan dengan bab-bab seterusnya.

Bab 3: Latar belakang dan lokasi kampung yang dikaji dari sudut sejarah, demografi, organisasi kampung dan kemudahan yang boleh didapati.

Bab 4: Perhubungan dari segi ekonomi antara penduduk kampung ini dengan masyarakat luar melalui peranan orang tengah, pembelian barang dan kesan ekonomi pasaran kepada masyarakat di sini.

Bab 5: Hubungan dengan kerajaan dari segi projek-projek yang dilaksanakan serta di segi politik di samping soal tanah. Tentang sikap Orang Asli terhadap pemerintah serta kesannya.

Bab 6: Pengaruh sosial seperti perkahwinan, mass media serta peranan mubaligh dan agama dalam proses mengintegrasikan masyarakat ini dengan masyarakat luar.

**Bab 7: Kesimpulan terhadap kesan-kesan ekonomi, politik dan sosial kepada**

matlamat kerajaan dalam mengujudkan integrasi antara masyarakat

serta menghapuskan imej Orang Asli sebagai masyarakat yang mundur,

terasing dan tertutup. Cadangan-cadangan untuk memajukan taraf

Orang Asli.

**BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1: Tujuan Kajian

1.2: Bidang Kajian

1.3: Metodologi

**BAB 2: STRUKTUR DAN TEMPAH SECARA SINGKAT**

2.1: Pengamalan

2.2: Identifikasi

2.3: Taburan dan Kepadatan

2.4: Bahasa

2.5: Organisasi Sosial

2.6: Organisasi Politik

2.7: Kegiatan Ekonomi

2.8: Agama dan Pantang Larang

**BAB 3: LINTAS SEJARAH TERHADAP KAJIAN KEMUNGKINAN**

**RESEKUTAN BERSEKUTAN SEMULA (RBS) ANAK BETIS, MELANTAN.**

3.1: Lokasi

3.2: Sejarah pembentukan Kampung Chamkalik dan RBS

3.3: Demografi

3.4: Organisasi Persempungan

3.5: Keadaan di Kampung Chamkalik

<u>DAFTAR KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
4.1: Pengantar	17
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	iii
DAFTAR KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI PETA	viii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
SENARAI GAMBAR	ix
5.1: Projek-projek Serajut	21
<b>BAB 1: <u>PENGENALAN</u></b>	21
1.1: Tujuan Kajian	1
1.2: Bidang Kajian	2
1.3: Metodologi	3
5.2: Peperiksaan	23
<b>BAB 2: <u>ETNOGRAFI ORANG TEMIAR SECARA RINGKAS</u></b>	23
2.1: Pengenalan	7
2.2: Identifikasi	8
2.3: Taburan dan Kependudukan	8
2.4: Bahasa	10
2.5: Organisasi Sosial	12
2.6: Organisasi Politik	14
2.7: Kegiatan Ekonomi	15
2.8: Agama dan Pantang Larang	16
5.3: Penutup	25
<b>BAB 3: <u>LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN: KAMPUNG CHENGKELIK, RANCANGAN PENGUMPULAN SEMULA (RPS) KUALA BETIS, KELANTAN.</u></b>	25
3.1: Lokasi	18
3.2: Sejarah penubuhan Kampung Chengkelik dan RPS	22
3.3: Demografi	25
3.4: Organisasi Perkampungan	31
3.5: Kemudahan di Kampung Chengkelik	35

**BAB 4: PERHUBUNGAN EKONOMI**

4.1: Pengenalan	37
4.2: Ekonomi sara diri	38
4.3: Ekonomi Pasaran	39
4.4: Orang Tengah	42
4.5: Pembelian Barang	46
4.6: Kesimpulan	48

**BAB 5: KERAJAAN DAN ORANG TEMIAR DI KAMPUNG CHENGGELIK**

5.1: Pengenalan	52
5.2: Projek-projek Kerajaan	54
5.2.1: Projek pertanian	54
5.2.2: Pembahagian dusun dan kebun getah	56
5.2.3: Bantuan perumahan	57
5.2.4: Perhubungan	58
5.2.5: Pelajaran	59
5.2.6: Kesihatan	63
5.3: Hak ke atas tanah	65
5.4: Sikap Orang Asli terhadap kerajaan	67
5.5: Pilihanraya dan Wakil Rakyat	70
5.6: Kesimpulan	72

**BAB 6: PERHUBUNGAN SOSIAL**

6.1: Pengenalan	75
6.2: Sejarah hubungan sosial	76
6.3: Perkahwinan	79
6.4: Mass Media	83
6.5: Pengembangan Agama	85
6.6: Kesimpulan	87

## BAB 7: KESIMPULAN

Sentral Jumlah

7.1: Hubungan dengan masyarakat luar	89
7.2: Sebab-sebab kegagalan interaksi	92
7.3: Penutup	95
<u>LAMPIRAN</u>	
GAMBAR	
BIBLIOGRAFI	
3.4 Keterangan tentang anggota keluarga Kampung Chengkalik	27
3.5 Tempat asal dan tempat lama menduduki	29
4.1 Harga bagi yutan kapas mengikut grad	41
5.1 Bilangan daftar murid-murid Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis (1982)	83
5.2 Jumlah pelajar yang tinggal di asrama	87

Sentral Peta

<u>Peta</u>	<u>Peta surah</u>
2.1 Peta strategik bahagian Peninsular di Semenanjung Malaysia	11
3.1 Lokasi Kuala Betis dan Kemaman dan pendudukan	14
3.2 Lokasi Kuala Betis dan Kampung Chengkalik	21
3.3 Tempat asal penduduk Kampung Chengkalik	30
5.1 Peta pembangunan SPS Kuala Betis	85

Sentral Sejarah

<u>Sejarah</u>	<u>Sejarah surah</u>
2.1 Klasifikasi bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia	17
3.1 Struktur kekeluargaan antara penduduk Kampung Chengkalik dengan ketua kampung	34
4.1 Cara penanaman kapas	51
5.1 Cara pengajaran SPS Kuala Betis, dan Kemaman	84



Senarai Jadual

<u>Jadual</u>		<u>Muka surat</u>
2.1	Sukubangsa Orang Asli, Lokasi dan Jumlah	9
2.2	Gelaran dalam struktur Adik beradik	14
3.1	Pembahagian Pentadbiran RPS Kuala Betis	20
3.2	Bilangan kampung dan keluarga di RPS Kuala Betis	26
3.3	Jumlah penduduk Kampung Chengkelik berasaskan taraf perkahwinan	27
3.4	Keterangan tentang anggota keluarga Kampung Chengkelik	27
3.5	Tempat asal dan Tempuh lama menetap	29
4.1	Harga bagi rotan manau mengikut gred	42
5.1	Bilangan daftar murid-murid Orang Asli di Sekolah kebangsaan Kuala Betis (1988)	60
5.2	Jumlah pelajar yang tinggal di asrama	61

Senarai Peta

<u>Peta</u>		<u>Muka surat</u>
2.1	Pembahagian bahasa Mon-Khmer di Semenanjung Malaysia	11
3.1	Kedudukan Kuala Betis dan Kawasan pos pendalaman	19
3.2	Lakaran kasar Kampung Chengkelik	21
3.3	Tempat asal penduduk Kampung Chengkelik	30
5.1	Plan Pembangunan RPS Kuala Betis	55

Senarai Rajah

<u>Rajah</u>		<u>Muka surat</u>
2.1	Klasifikasi bahasa Mon-Khmer di Semenanjung Malaysia	12
3.1	Hubungan kekeluargaan antara penduduk Kampung Chengkelik dengan ketua keluarga 3	34
5.1	Carta Organisasi JHEOA	53
5.2	Carta Organisasi RPS Kuala Betis, Gua Musang	54

Gambar 13: Sekolah Kebangsaan Senarai Lampiran terletak di pusat RPS

Lampiran satu: Plan Rumah Melati di Kampung Chengkelik.

Gambar 14: Klinik di RPS Kuala Betis yang hanya menggunakan kas-kas

ringkas.

#### Senarai Gambar

Gambar 15: Daerah yang menjadi pusat budaya ritual dan hiburan kepada

masyarakat kampung ini.

Gambar 1: Pemandangan Kampung Chengkelik dari bangsal menyimpan rotan  
(yang sudah dijemur).

Gambar 2: a- Bentuk rumah Melati yang asal.

b- Bahagian dapur yang ditambah.

Gambar 3: Ladang penduduk Kampung Chengkelik yang terdapat di seberang  
Sungai Betis (kebanyakannya ladang pisang).

Sungai juga merupakan jalan perhubungan yang penting bagi  
masyarakat kampung ini.

Gambar 4: Tanaman yang ditanam di keliling rumah mereka.

Beberapa jenis tanaman ditanam bersama-sama.

Gambar 5: Penduduk Kampung Chengkelik sedang memasak rotan dalam dapur  
yang disediakan khas. Kelihatan juga rotan-rotan yang baru  
diangkut dari hutan.

Gambar 6: Rotan-rotan yang sudah disiap proses diikat dan diangkutkan  
ke lori untuk dibawa ke bandar Gua Musang.

Gambar 7: Keadaan dalam kedai runcit di Kampung Chengkelik.

Gambar 8: Seorang penjual sedang melayani pelanggannya yang terdiri  
dari penduduk Kampung Chengkelik.

Gambar 9: Balairaya Kampung Chengkelik.

Terdapat gambar pemimpin negara dan Yang Di Pertuan Agung  
serta Raja Permaisuri Agong.

Gambar 10: Keadaan dinding rumah penduduk di sini yang ditampal dengan  
keratan akhbar dan majalah.

Gambar 11: Pejabat pentadbiran JHEDA RPS Kuala Betis.

Gambar 12: Koperasi Kijang Mas yang menjual barang-barang runcit kepada  
Orang Asli.

Gambar 13: Sekolah Kebangsaan Kuala Betis yang terletak di pusat RPS menyediakan kemudahan pelajaran kepada anak-anak Orang Asli dan penduduk sekitar.

Gambar 14: Klinik di RPS Kuala Betis yang hanya mengendalikan kes-kes ringan.

Gambar 15: Sewang yang menjadi upacara berupa ritual dan hiburan kepada masyarakat kampung ini.

Gambar 16: Antara ubat-ubatan yang dijual di Kampung Chengkelik.

Gambar 17: Jalan balak dan jalan tanah merah yang menghubungkan Kampung Chengkelik dengan kampung sekitar.

Gambar 18: Salah seorang penduduk Kampung Chengkelik.

Pakaiannya lebih mirip kepada Orang Melayu.

BAB 1: PENGENALAN

### 1.1: TUJUAN KAJIAN.

Orang Asli adalah sebahagian dari penduduk negara ini. Mereka terbahagi kepada beberapa sukubangsa yang berlainan dan tinggal secara bertaburan. Menurut Iskandar Carey, 60 peratus daripada masyarakat Orang Asli tinggal di kawasan hutan. Ini telah menyebabkan mereka dianggap sebagai masyarakat yang terpencil dan terasing. Keadaan ini berpunca dari kurangnya pendedahan tentang golongan ini kepada masyarakat luar dan menyebabkan kewujudan mereka tidak diberi perhatian. Keadaan inilah yang menimbulkan imej di kalangan masyarakat luar bahawa Orang Asli adalah masyarakat yang terasing, terpencil dan tertutup.

Pada pendapat kerajaan, keselamatan Orang Asli ini tidak akan terjamin selagi mereka terus menetap di hutan tanpa diberi perhatian. Oleh sebab itu pada hari ini kerajaan telah cuba mengambil langkah-langkah yang pada pendapat mereka boleh meningkatkan taraf hidup dan sekaligus menjaga keselamatan Orang Asli. Bagi mencapai matlamat ini, salah satu projek utama yang dilakukan oleh kerajaan ialah dengan menempatkan mereka di satu kawasan khas yang dikenali sebagai Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) yang berkonsepkan 'Pembangunan Melalui Keselamatan'. Selain dari itu kerajaan juga telah cuba menukar imej Orang Asli yang dikatakan terasing dan tertutup ini dengan cara mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat luar. Ini ialah kerana mereka juga mempunyai hak yang sama sebagai rakyat negara ini. Ianya dilakukan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) selaras dengan dasar kerajaan untuk mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat kebangsaan sejak dari 1961 lagi.

Maka, tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang kehidupan Orang Asli dari sukubangsa Temiar di Kampung Chengkelik, RPS Kuala Betis, Kelantan. Ini ialah kerana ianya merupakan salah satu kawasan penempatan yang telah dirancang oleh kerajaan bagi mencapai matlamat dasar 1961. Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau bagaimanakah masyarakat di kampung ini mempunyai kaitan dengan masyarakat luar dan sejauhmanakah hubungan antara etnik ini wujud. Ini ialah kerana ianya akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas samada imej Orang Asli yang dikatakan sebagai terasing dan terpencil itu benar-benar wujud atau hanya lahir dari pandangan masyarakat yang memandang serong terhadap golongan minoriti ini. Timbulnya imej yang sedemikian ini boleh menyebabkan matlamat kerajaan untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli kedalam masyarakat nasional akan mengalami kebuntuan.

Kajian ini juga selain dari mengetahui dengan lebih mendalam tentang kehidupan masyarakat Kampung Chengkelik ini juga diharap akan menjadi satu garis pengukur di dalam menilai setakatmanakah kejayaan kerajaan di dalam mengubah imej Orang Asli di mata masyarakat luar. Ianya dapat dilakukan dengan melihat sejauhmanakah wujudnya interaksi antara etnik di kalangan masyarakat kampung ini dengan masyarakat luar terutamanya agensi-agensi kerajaan dan masyarakat awam. Ini ialah agar masalah-masalah yang timbul akibat dari dasar yang telah dijalankan oleh kerajaan ini akan dapat diatasi di masa depan bagi mencapai kejayaan yang lebih camerlang dan lebih berkesan bagi kedua-dua pihak.

## 1.2: BIDANG KAJIAN.

Kajian ini akan melihat sejauhmanakah wujudnya perhubungan diantara masyarakat Orang Asli di Kampung Chengkelik, Kuala Betis ini dengan

masyarakat luar. Ini ialah kerana tempat yang dikaji ini merupakan sebuah kawasan RPS iaitu sebuah penempatan yang dirancang oleh kerajaan. Oleh sebab itu ianya akan lebih mudah diberikan tumpuan oleh kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmanakah matlamat kerajaan untuk mengintegrasikan Orang Asli kepada masyarakat telah tercapai di samping cuba mengubah imej Orang Asli ke arah yang lebih terbuka.

Bagi melihat kejayaan matlamat kerajaan ini aspek yang akan dikaji melibatkan sudut manakah Orang Asli di sini berhubung dengan masyarakat di luar etnik mereka. Maka bidang kajian ini akan meliputi dari aspek ekonomi, sosial, politik, agama dan sejarah. Ini dilakukan untuk menilai samada faktor-faktor tersebut mempengaruhi corak hubungan etnik yang wujud antara dua kelompok ini ketika berintegrasi dan bagaimanakah ianya mempunyai kaitan dengan imej yang telah diberikan kepada Orang Asli.

### 1.3: METODOLOGI.

Kajian ini dilakukan secara etnografi. Semasa kajian ini dilakukan saya telah menggunakan beberapa kaedah bagi mengumpul data dan maklumat dari penduduk kampung ini. Ini ialah kerana cara-cara yang berlainan ini amat berguna dalam mengkaji aspek yang berbeza mengikut kesesuaiannya.

Metodologi utama yang telah saya lakukan dalam kajian ini ialah pemerhatian dan penyertaan. Ianya merupakan kaedah yang terpenting sekali terutamanya di dalam bidang etnografi. Kaedah jenis ini memerlukan saya tinggal bersama masyarakat Kampung Chengkelik ini. Tujuannya ialah agar gambaran yang lebih baik akan dapat saya perolehi di samping mengetahui dan memahami dengan lebih mendalam lagi corak kehidupan masyarakat di sini. Kaedah ini juga menyenangkan pengumpulan maklumat kerana kita telah dianggap sebagai sebahagian dari masyarakat mereka. Semasa di sini saya telah

diberi kemudahan menginap di balairaya Kampung Chengkelik yang juga merupakan tempat tinggal bagi masyarakat luar yang berkunjung ke sini. Saya telah berada di sini selama sebulan bermula dari 22hb. Mei, 1988 sehingga 22hb. Jun, 1988.

Walaupun kaedah pemerhatian dan penyertaan ini adalah baik dalam melakukan kajian etnografi, namun dalam masa yang agak singkat, ianya tidak dapat memberikan gambaran yang menyeluruh dan tepat tentang keadaan masyarakat di situ. Ini akan dapat diatasi sekiranya masa yang lebih panjang dapat diperuntukkan kerana ianya akan dapat menilai dan memberi lebih banyak bukti dan pengetahuan yang lebih mendalam.

Sepanjang tempuh di sini, saya telah cuba untuk bergaul mesra dan melibatkan diri dalam aktiviti penduduk di kampung ini. Tetapi tidak semua kegiatan harian mereka yang dapat saya ikuti contohnya dalam hal mencari rotan di hutan, saya tidak dapat turut serta disebabkan ketiadaan pengangkutan dan pekerjaan ini hanya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja. Namun begitu untuk ke ladang atau menghadiri upacara 'sewang' saya telah mendapat peluang untuk melihat keadaannya.

Saya juga turut mengambil kesempatan untuk melakukan temuduga bebas di mana soalan-soalan ditanyakan kepada responden secara spontan. Ini dilakukan di masa lapang ketika menziarahi rumah mereka atau semasa berbual-bual dengan mereka di waktu petang. Namun begitu terdapat juga masalah di dalam kaedah ini di mana ada kalanya responden tidak memberi jawapan yang sebenar ataupun cuba melencong dari tajuk persoalan. Ini memberi kesan kepada kajian yang dilakukan tetapi selalunya ianya akan diatasi dengan cara melakukan 'cross-check' iaitu bertanyakan soalan yang sama kepada responden lain yang mengetahui tentang diri responden yang pertama tadi. Jawapan yang berlainan ini mungkin terjadi kerana tidak memahami maksud yang ditanyakan atau sengaja ingin menyembunyikan

maklumat. Tetapi pada pendapat saya jawapan yang lebih baik akan dapat diperolehi sekiranya saya dapat bertutur di dalam bahasa Temiar agar kesalahtafsiran ini dapat dikurangkan. Namun begitu ianya dapat diatasi kerana terdapat ramai penduduk di sini yang dapat bertutur dengan agak baik dalam Bahasa Malaysia terutamanya kaum lelaki.

Kajian berdasarkan soal selidik juga turut saya lakukan. Namun begitu ianya hanya terhad untuk melakukan bancian penduduk bagi tujuan demografi. Selalunya saya akan melakukannya di sebelah petang kerana pada waktu pagi lazimnya kampung ini akan sunyi dan tiada berpenghuni kerana kebanyakan mereka berada di ladang. Oleh itu mereka hanya mempunyai kelapangan di waktu petang dan malam sahaja. Semasa kaedah ini dilakukan soal bahasa juga sering menimbulkan masalah kerana ketidakfasihan mereka bertutur di dalam Bahasa Malaysia terutamanya bagi kaum wanita. Namun begitu keadaannya tidaklah begitu ketara kerana pada kebiasaannya ketua keluarga iaitu kaum lelaki dapat bercakap dengan lebih fasih berbanding dengan kaum wanita. Selain dari itu wanita-wanitanya juga masih mempunyai sifat malu yang tebal dan segan untuk bercakap dengan saya berbanding dengan kaum lelaki di kampung ini yang lebih bersikap terbuka. Keadaan ini mungkin terjadi disebabkan oleh masalah bahasa.

Di samping itu pada peringkat awal kedatangan saya di sini, sebahagian penduduk di sini sukar atau enggan untuk memberikan kerjasama mereka kepada saya kerana menyangkakan bahawa saya mungkin terdiri dari orang kerajaan atau pegawai JHEOA yang datang untuk meninjau keadaan mereka. Namun begitu apabila diterangkan oleh saya dan dengan bantuan salah seorang penduduk yang agak berpengaruh di sini serta setelah agak lama berada di sini dan bergaul dengan mereka, kehadiran saya diterima dengan baik. Ini terbukti apabila mereka sering menghantar makanan yang dimasak mereka atau memberikan hasil-hasil dari ladang mereka sepanjang



saya di sini.

Selain dari itu dalam masa saya cuba mendapatkan maklumat tentang kajian saya ini, terdapat juga masalah sampingan yang terpaksa dihadapi. Ini ialah kerana pada hari ketiga saya di sini, ramai penduduk kawasan di sini termasuk beberapa penduduk kampung ini telah disyaki mendapat malaria. Ini menyulitkan saya untuk menjalankan kajian kerana terpaksa menghormati pantang-larang tertentu contohnya kerana tidak dibenarkan melawat ke rumah si pesakit. Namun begitu keadaan ini tidaklah berpanjangan kerana adakalanya penduduk kampung ini yang datang ke tempat saya tinggal untuk berbual-bual di waktu lapang.

Saya juga turut menemubual dengan pihak-pihak luar yang mempunyai hubungan dan kepentingan serta kaitan yang rapat dengan masyarakat kampung ini. Mereka termasuklah pegawai-pegawai JHEOA, guru-guru, peniaga-peniaga dan orang-orang perseorangan yang masuk ke kampung ini. Ianya dilakukan agar keterangan yang tidak berat sebelah dapat dibuat di samping untuk menghasilkan maklumat yang lebih baik dan lebih tepat akan diperolehi.

Kajian perpustakaan juga terpaksa dilakukan oleh saya untuk melihat karya-karya dan kajian yang terdahulu serta yang mempunyai perkaitan. Tujuannya ialah untuk memperolehi maklumat serta data-data yang boleh membantu berdasarkan kajian berikut. Ini diharap akan dapat menghasilkan satu cara yang lebih baik dalam menyelesaikan masalah yang dikaji agar matlamat yang diharapkan akan terlaksana.

## BAB 2: ETNOGRAFI ORANG TEMIAR SECARA RINGKAS

### 2.1: PENGENALAN.

Dalam 'Akta Orang Asli' 1954 (disemak 1974), Orang Asli ditakrifkan sebagai:

- a) mana-mana orang yang bapanya adalah seorang dari kumpulan rumpun bangsa orang asli, yang bercakap dalam bahasa orang asli dan lazim mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki orang itu;
- b) mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh orang asli dan yang telah dididik sebagai seorang orang asli, lazim bercakap dalam bahasa orang asli, lazim mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan adalah seorang dari sesuatu masyarakat orang asli; atau
- c) anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan orang asli dengan seorang lelaki dari suatu kaum lelaki, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa orang asli, lazim mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli dan masih lagi menjadi seorang dari sesuatu masyarakat orang asli.

Orang Asli secara umumnya terbahagi kepada tiga kumpulan suku-bangsa yang besar iaitu Semang/Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Setiap sukubangsa itu terbahagi pula kepada beberapa kumpulan kecil. Orang Asli membentuk 1 peratus daripada penduduk Malaysia iaitu berjumlah 68,935 (mengikut bancian 1986).

## 2.2: IDENTIFIKASI.

Kajian ini dilakukan di kalangan masyarakat Temiar iaitu salah satu sub-kelompok di dalam sukubangsa Senoi. Masyarakat ini mendefinisikan diri mereka sendiri sebagai "Senoi Serok" yang bermakna "orang yang tinggal di kawasan bukit pendalaman". Menurut Benjamin (1966:5), Temiar ialah nama yang dipanggil oleh orang Semai kepada masyarakat "Senoi Serok". Mereka juga adakalanya dikenali sebagai "Ple-Temiar" yang dulunya dipercayai untuk dua masyarakat yang berasingan iaitu "Ple" bagi mereka yang tinggal di Perak manakala "Temiar" kepada yang menetap di Kelantan. Tetapi sebenarnya "Temiar" atau "Temer" ialah panggilan dari orang Semai kepada mereka manakala "Ple" ialah cara orang Negrito menggelarkan orang Senoi Serok (Noone 1936:7).

Sebelum ini istilah "Sakai" yang bermakna "hamba" atau "Orang liar" telah digunakan secara meluas untuk memanggil mereka tetapi ianya telah bertukar ke "Orang Asli" setelah wujudnya Akta Orang Asli 1954.

## 2.3: TABURAN DAN KEPENDUDUKAN.

Orang Temiar termasuk di dalam sukubangsa orang Senoi iaitu kumpulan yang terbesar sekali. Sebahagian besar daripada sukubangsa ini terdapat di bahagian Utara dan Tengah Semenanjung khususnya di Perak, Kelantan dan Pahang. Namun demikian sebahagian kecil daripada mereka juga terdapat di negeri-negeri lain kerana kedudukannya agak bertaburan. Kumpulan ini terbahagi kepada enam puak kecil. Pecahan keseluruhan kumpulan Orang Asli ini dapat dilihat dalam Jadual 2.1 di sebelah.

Jadual 2.1: Sukubangsa Orang Asli, Lokasi Dan Jumlah.

Sukubangsa	Sub-kelompok	Jumlah	Lokasi
NEGRITO	Kintak	107	Selatan Thai, Selatan Kedah, Utara Perak.
	Kensiu	135	Selatan Thai, Timur laut Kedah
	Jahai	873	Selatan Thai, Timur laut Perak Selatan Kelantan.
	Mendriq	144	Tenggara Kelantan.
	Bateq	822	Utara Pahang.
	Lanoh	229	Utara Perak.
JUMLAH		2310	
SENOI	Temiar	12895	Utara Perak, Selatan Kelantan
	Semai	19542	Barat laut Pahang, S'tan Perak
	Che Wong	296	Timur Selangor, Barat Pahang
	Jahut	2747	Timur Selangor, Barat Pahang
	Semoq Beri	2063	Pantai Selangor, Pulau Carey
	Mah Meri	1389	Pantai Selangor, Pulau Carey
JUMLAH		38932	
	Temuan	10410	Tengah Selangor, Neg. Sembilan
	Semalai	3286	Barat Pahang, Utara Johor
	Jakun	11658	Selatan Pahang
	Orang Kanaq	42	Tenggara Johor
	Orang Seletar	662	Selatan Johor
	Orang Kuala	1671	Barat Johor
JUMLAH		27693	
JUMLAH KESELURUHAN		68935	

Sumber: Banci JHEOA 1986.


Menurut Bancien 1986, Orang Temiar membentuk sub-kelompok yang ke dua terbesar dalam masyarakat Orang Asli iaitu sebanyak 12,895 orang. Ini bermakna 18 peratus daripada Orang Asli terdiri dari kaum Temiar. Mereka boleh didapati di negeri Perak dan Kelantan iaitu di kedua-dua bahagian Banjaran Besar dan juga terdapat dalam bilangan yang sedikit di Pahang dan Selangor.

Di Perak, penempatan masyarakat ini boleh didapati di sepanjang sungai-sungai utama dan cawangannya seperti Temengor, Piah, Pelus, Sengoh, Sara, Ringat, Tengah, Dala, Soh, Chemor, Kuang, Kinta, Raia dan Chermen. Di Kelantan pula ianya banyak terdapat di sepanjang Sungai Brok, Betis, Prias, Jendera dan Nenggiri manakala di Pahang terdapat di kawasan Ulu Telom (Noone 1936:33-34). Jika di masa kajian terdahulu tidak terdapat masyarakat Temiar di Selangor tetapi mungkin disebabkan oleh perubahan masa, penyebarannya telah meluas ke negeri tersebut.


#### 2.4: BAHASA.

Dari segi bahasa, secara linguistiknya bahasa Temiar berada di dalam kumpulan yang sama dengan bahasa Semai, Lanoh dan Jahut iaitu di bawah cabang bahasa Senoic dari bahasa Mon-Khmer yang berasal dari rumpun Austro Asiatic (Carey 1961:143). Rajah di sebelah menunjukkan bagaimana bahasa Temiar mempunyai hubungan dengan bahasa Mon-Khmer yang dituturkan oleh masyarakat Asli lain di Malaysia. (Lihat Rajah 2.1).

PETA 2.1: Pembahagian bahasa Mon-Khmer di Semenanjung Malaysia.



Rajah 2.1: Klasifikasi Bahasa Mon-Khmer di Semenanjung Malaysia.



Bahasa Senoi dituturkan oleh 52.9 peratus dari jumlah Orang Asli di Semenanjung Malaysia (Safian 1976:3). Walaupun di bawah bahasa Mon-Khmer, masyarakat Temiar pada masa kini telah banyak mencampurkan perkataan pinjaman Melayu ke dalam bahasa mereka akibat dari perhubungan mereka dengan jiran-jiran yang berbangsa Melayu. Menurut Carey (1961:143) banyak dari bahasa Melayu pinjaman telah menjadi sebahagian dari percakapan Orang Temiar. Malah di Kelantan, sebilangan besar orang lelaki Temiar yang senang dihubungi dapat bercakap bahasa Melayu walaupun ianya jarang didapati pada kaum wanitanya.

## 2.5: ORGANISASI SOSIAL.

Dua unit sosial yang paling penting dalam masyarakat Temiar ialah "dek" dan "saka". "Dek" bererti rumah tetapi ia juga boleh digunakan

untuk menerangkan kampung (Benjamin 1966:15,16,22). Ini mungkin kerana bagi masyarakat yang tinggal di sebuah rumah panjang ke dua-dua unit ini adalah sama. Unit masyarakat Temiar ialah keluarga "extended" yang tinggal di satu rumah dan bekerja di ladang yang sama. Mereka membina rumah panjang kira-kira 27.4 m hingga 30.5 m (Noone 1936:26). Ia dibina dari buluh, kayu dan atap bertam. Bilangan yang tinggal di dalamnya kadangkala sehingga 100 keluarga (Slimming 1958:28). Setiap keluarga mempunyai bahagian yang dikhasakan (yulooq). Bahagian tengah rumah itu menjadi kepunyaan bersama dan digunakan untuk bermesyuarat atau menjalankan sesuatu upacara (Noone 1936:27).

Selain dari itu terdapat juga masyarakat Temiar terutamanya di kawasan rendah yang membina rumah secara berasingan. Ianya juga dibina dari buluh dan beratap bertam dan tingginya antara 1.2 m hingga 3.7 m malah ada yang sehingga 9.1 m dari tanah untuk mengelakkan diri dari binatang.

"Saka" walaubagaimanapun merujuk kepada kumpulan kognatik\* yang bersaudara samada menerusi pertalian darah atau menerusi perkahwinan kepada golongan tertentu. Ahli-ahli dari saka itu mempunyai hak yang sama untuk sesuatu kawasan (Benjamin 1966:18) tetapi hak itu hanya berbentuk sementara sahaja (Noone 1936:21, Benjamin 1966:18,21,26).

Perkahwinan dibenarkan di antara dua orang yang berada di dalam satu saka tetapi menurut setengah sumber (Noone 1936:22, Carey 1961:160), perkahwinan di antara mereka yang lahir dalam satu rumah panjang adalah ditegah (Noone 1936:22, Carey 1961:160). Peminangan dan perkahwinan di kalangan masyarakat Temiar adalah ringkas dan tidak ada sebarang upacara

---

\* Kognatik- keturunan yang dikira berdasarkan ke dua belah pihak iaitu melalui keturunan ibu dan bapa.



yang khas (Holman 1958:27,28, Noone 1936:22). Masyarakat Temiar juga mengizinkan poligami (Slimming 1958:137).

Dari segi panggilan untuk anak-anak didapati bahawa masyarakat Temiar mempunyai sistem panggilan yang tersendiri malah terdapat sedikit persamaan dengan masyarakat Melayu (Carey 1961:181).

Jadual 2.2: Gelaran dalam struktur Adik beradik.

Anak pertama	Along
Anak ke dua	Angah
Anak ke tiga	Adik
Anak ke empat	Ashuu
Anak ke lima	Pandak
Anak yang seterusnya	Aluiid

## 2.6: ORGANISASI POLITIK.

Benjamin (1968:1,3) mengkategorikan politik masyarakat Temiar kepada dua jenis pemimpin iaitu "village leaders" yang menjadi simbol kepada penjaga ladang, kebun buah-buahan dan lebih kepada keupayaannya untuk menjaga kampung berdasarkan pengalaman dan kemampuan dirinya serta "village headmanship" yang mendapat pengiktirafan dari kerajaan menerusi JHEDA.

Walaupun bagaimanapun ke dua-dua pemimpin ini dipanggil Penghulu manakala di Pahang dikenali sebagai Batin (Benjamin 1968:3). Selalunya jawatan Ketua Kampung ini diwarisi oleh anak sulung simati (Holman 1958:50). Menurut Carey (1961:162), terdapat lima jenis pemimpin bagi masyarakat Temiar iaitu;

1) Penghulu yang dilantik oleh kerajaan menerusi surat kuasa

- 2) Penghulu yang dilantik oleh segolongan pegawai tetapi tidak melalui surat kuasa.
- 3) Penghulu yang dilantik oleh komunis.
- 4) Keturunan Penghulu yang dilantik oleh Tok Mikong.
- 5) Ketua Kampung tradisional yang tidak diiktiraf oleh kerajaan.

Menurut Noone dan Carey, masyarakat Temiar tidak dapat menuntut sesuatu yang istimewa dari statusnya sebagai Ketua Kampung kerana masyarakat mereka bercorak egaliterian dan sama (Benjamin 1968:23). Namun begitu secara teorinya suku kaum Temiar terbahagi kepada empat peringkat iaitu:

- 1) Penghulu
- 2) Halag atau bomoh
- 3) Majlis Orang-orang Tua
- 4) Anak buah.

## 2.7: KEGIATAN EKONOMI.

Ekonomi Orang Temiar adalah berasaskan kepada "slash and burn" atau pertanian pindah. Alat-alat yang digunakan ialah yang mudah dan bersesuaian dengan keadaan ladang mereka seperti cangkul, parang, beliung dan kapak (Carey 1961:175).

Tanaman yang utama ialah padi dan ubi kayu di samping jagung, tebu, pisang, cabai dan lain-lain lagi sayuran (Cole 1959:193-196). Penanaman masyarakat Temiar boleh dibahagikan kepada empat jenis dan yang paling penting ialah ladang padi dan ladang ubi kayu (Cole 1959:193-201). Tanaman-tanaman ini ditanam bersama di dalam satu kawasan. Semasa aktiviti penanaman, masyarakatnya akan mengusahakan pekerjaan ini bersama-sama. Ini ialah kerana cara hidup masyarakat Temiar yang berdasarkan

kerjasama dan "sharing". Kepentingan pertanian kepada ekonomi mereka diterangkan oleh Carey (1961;173-174) iaitu;

Agriculture clearly forms the basic of their economy and has among the Temiar the status of a way of life.

Selain dari itu mereka juga memungut hasil-hasil hutan seperti buah-buahan, rotan, gaharu, buluh dan lain-lain lagi. Mereka juga memburu dan menjerat binatang serta menangkap ikan.

## 2.8: AGAMA DAN PANTANG LARANG.

Masyarakat Temiar menganut kepercayaan animisme iaitu percaya kepada mahluk-mahluk halus dan roh yang dikatakan terdapat pada benda-benda bernyawa dan sebaliknya. Kepercayaan orang-orang Temiar amat berkait rapat dengan alam semulajadi (Noone 1936:28, Carey 1961;176-177).

Upacara keagamaan dilakukan oleh "halak" yang berperanan sebagai orang tengah di antara manusia dan alam semangat (Noone 1936;28, Carey 1961:177). Ianya dilakukan di dalam upacara "sewang". Kemuncak dari masa ini ialah apabila "halak" berada di dalam keadaan hilang ingatan dan dikuasai oleh "gunig". Pada masa ini "halak" dipercayai mempunyai kuasa untuk mengubati penyakit (Noone 1936:28, Holman 1958:47-49). Selalunya ia dikatakan mendapat kepandaian untuk mengubati ini dari mimpi-mimpinya. Masyarakat Temiar menganggap mimpi sebagai inspirasi mereka (Holman 1958:43).

Mereka juga percaya tentang adanya Tuhan yang amat berkuasa yang mana ianya mempunyai empat aspek kuasa yang berlainan iaitu Engku, Karai, Hilok dan Hiwoh. Walaubagaimanapun Engku iaitu dewa guruh merupakan yang paling berkuasa.

Masyarakat Temiar juga masih memegang teguh kepada panteng larang contohnya dilarang dari bercakap dengan ibu mertua, bermain cermin di luar rumah serta tidak boleh mempermainkan atau mengajuk binatang kecil seperti rama-rama, pepatung dan tebuau. Ini ialah kerana mereka percaya sekiranya panteng larang ini dilanggar, mereka akan mengalami kesusahan "mashik" yang boleh membawa kepada kesakitan atau kematian (Carey 1961:178). Mereka juga percaya kepada zaman selepas mati di mana ianya penuh dengan kecantikan dan kesenangan serta kebahagiaan tetapi keadaan ini bukanlah sesuatu yang abadi (Carey 1961:179-180).

BAB 3: LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN: KAMPUNG CHENGKELIK, RANCANGAN  
PENGUMPULAN SEMULA (RPS) , KUALA BETIS, KELANTAN.


3.1: LOKASI.

Kajian ini telah dilakukan di Kampung Chengkelik. Ianya berada di bawah pentadbiran RPS Kuala Betis yang merupakan projek ke tiga Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) selepas di Betau, Pahang dan Kemar, Perak. Perlaksanaan RPS Kuala Betis ini bermula pada 1978 bagi menempatkan 300 keluarga termasuk 40 keluarga Melayu.

RPS Kuala Betis ini ialah salah satu daripada lapan buah Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli di Kelantan. Yang lainnya ialah di Rual, Belatim, Dakoh, Pulat, Blau dan Lojing. Ianya terletak di daerah Ulu Kelantan. Bandar yang terdekat ialah Gua Musang iaitu kira-kira 27.2 km serta merupakan pusat bagi rancangan ini. Kuala Betis merupakan tempat penemuan Sungai Nenggeri, Sungai Betis dan Sungai Brok.

Jumlah keluasan yang terlibat bagi RPS ini ialah 3192.3 hektar dan 526.7 hektar darinya adalah 304.8 m dari aras laut. Seluas 1842.1 hektar di paras 152.4 m hingga 213.4 m dan hanya 785.4 hektar di bawah 152.4 m. Kawasan rendah terletak di sepanjang Sungai Nenggeri, Brok dan Sungai Betis. Secara keseluruhannya topografi Kuala Betis adalah landai. Ketinggiannya mengikut jarak lembah sungai, di mana di bahagian Timur boleh dikatakan rata tetapi lebih tinggi di sebelah Selatan dan Barat Laut. Kebanyakan penempatan yang sedia ada adalah di sepanjang tebing sungai kerana ianya lebih sesuai untuk diduduki. Dua sungai utama iaitu Sungai Nenggeri (menjadi sempadan kawasan di sebelah Timur rancangan) dan Sungai Betis membahagikan kawasan rancangan kepada Utara dan Selatan.

PETA 3.1: Kedudukan Kuala Betis dan kawasan pos pendalaman.



Kampung Chengkelik yang menjadi tempat kajian ini adalah 4.8 km dari pusat RPS Kuala Betis. Ianya berada di dalam Blok C pentadbiran RPS dan diletakkan di bawah Kampung Lambok A (Jadual 3.1).


Jadual 3.1: Pembahagian Pentadbiran RPS, Kuala Betis.

Blok A	Blok B	Blok C
Kampung Setawar	Kampung Melayu	Kampung Jenuk
Kampung Bawik	Kampung Teraneh	Kampung Chengkelik
Kampung Seladak	Kampung Teluk Untung	Kampung Limau
Kampung Gias		
Kampung Langsung		








Sumber: JHEOA, Kuala Betis.

Jarak kampung ini dari bandar Gua Musang ialah 32 km. Kedudukannya ialah di antara Kampung Merlung ke arah Gua Musang dan Kampung Mansoq ke arah pedalaman. Kampung ini dihubungkan dengan RPS pusat dan kampung berhampiran melalui sungai, denai dan jalan balak atau jalan tanah merah. Keadaan Kampung Chengkelik ini dikelilingi dengan hutan dan disempadani oleh Sungai Betis dari Kampung Ladoi Itou. Rujuk Peta 3.2, lakaran kasar Kampung Chengkelik.

PETA 3.2: Lakaran kasar Kampung Chengkelik.



PETUNJUK.

- |   |                    |  |                                      |
|---|--------------------|--|--------------------------------------|
|  | Rumah              |  | Hutan                                |
|  | Tempat jemur rotan |  | Tempat masak rotan                   |
|  | Pagar buluh        |  | Tempat letak rotan (selepas dijemur) |
|  | Setor rotan        |  |                                      |



### 3.2: SEJARAH PENUBUHAN KAMPUNG CHENGKELIK DAN RPS.

Menurut Iskandar Carey, (1983:74) bersempena dengan pelaksanaan Pertempatan di Kuala Betis yang terletak di tempat pertemuan tiga sungai iaitu Sungai Nenggeri, Sungai Betis dan Sungai Brok telah lama wujud. Pada mulanya ia merupakan perkampungan Melayu tetapi keadaan darurat telah menyebabkan mereka dipindahkan ke Bertam Baru. Apabila darurat tamat pada 1960, sebilangan dari mereka telah pulang semula ke tempat asal mereka di Kuala Betis. Sementara itu Orang Asli yang tinggal di kampung-kampung kecil di sepanjang Sungai Nenggeri dan cawangannya telah dikumpulkan di Gua Cha. Mereka telah berpecah dan menetap di kampung-kampung yang ditinggalkan oleh orang Melayu setelah keadaan kembali tenang (Sulong Mohamad 1986:8).

Menurut penduduk di sini, Kampung Chengkelik ini telah lama wujud dengan nama yang sama. Ianya adalah bersempena dengan nama pokok Chengkelik. Kampung ini dulunya juga merupakan sebuah perkampungan Orang Temiar tetapi penduduk-penduduk sekarang bukanlah dari mereka yang asalnya menetap di sini. Penduduk asalnya dikatakan berpindah ke Kampung Mansoq apabila berlaku kematian di kalangan salah seorang dari mereka. Mereka yang tinggal di kampung ini sekarang hanya berpindah ke sini setelah RPS diperkenalkan.

Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) ini dilaksanakan semasa Rancangan Malaysia Ketiga di beberapa buah negeri yang terdapat ramai Orang Asli seperti di Perak, Pahang dan Kelantan. Ia merupakan konsep pembangunan yang lebih baru dan lebih komprehensif. Dalam konsep pembangunan jenis ini, usaha dilakukan dengan menubuhkan sebuah pertempatan berpusat yang lebih besar dengan menggabungkan beberapa kampung Orang Asli yang pada mulanya terletak berselerak. Melalui rancangan ini kos menyediakan infrastruktur dan kemudahan sosial yang penting untuk meningkatkan mutu

penghidupan Orang Asli dapat dikurangkan. Menurut Iskandar Carey (1983:104) terdapat tiga sebab mengapa telah wujud cadangan sejak dari 20 tahun yang lalu untuk membawa Orang Asli keluar dari hutan. Sebab utama dan yang paling penting ialah soal keselamatan. Ini berkaitan dengan kegiatan pengganas komunis dan Orang Asli disyaki terlibat. Keduanya, Orang Asli dikatakan menyebabkan kegiatan tani yang membazir serta memotong pohonan terlalu banyak dan sebagainya dan ketiganya berdasarkan satu pendapat umum bahawa Orang Asli akan hidup lebih sempurna jika tinggal di pekan dari tinggal di dalam hutan. Namun sebab yang perlu diberi perhatian serius ialah soal keselamatan kerana ianya melibatkan masa depan negara ini.

Sebab kedua yang mengatakan Orang Asli telah memusnahkan alam sekitar dengan memotong pohonan tidak menyakinkan. Jumlah kesemua Orang Asli di Semenanjung adalah kira-kira 60,000, satu pecahan kecil dari keseluruhan penduduk negara ini. Dari bilangan ini cuma 60 peratus yang tinggal di hutan. Oleh itu adalah tidak masuk akal untuk mengatakan tindakan sekelompok kecil rakyat Malaysia ini boleh mengakibatkan kemusnahan. Bertentangan dengan pendapat popular, Orang Asli bukanlah nomad. Mereka adalah petani pindah-randah yang tinggal di sesuatu kawasan lebih kurang 10 tahun, kemudian berpindah dan kembali semula ke tempat asal itu bila tumbuhan di tempat tersebut subur semula. Oleh itu pemusnahan habis-habisan tidak berlaku dalam bentuk pertanian yang diamalkan oleh Orang Asli ini (Carey 1983:105).

Oleh kerana itu difikirkan bahawa Orang Asli hendaklah dibawa keluar dari hutan untuk dibangunkan. Dari sudut pandangan negara, pembangunan Orang Asli pada masa sekarang penting atas tiga segi (Sulong Mohamad 1986:4-5). Pertama dan ini lebih merupakan kejadian sejarah iaitu Orang Asli pada masa darurat dulu didapati memberi bantuan berupa

makanan dan maklumat kepada anggota komunis walaupun ini bukanlah kehendak mereka sendiri. Ini bermakna keselamatan negara akan terus terancam sekiranya hubungan antara Orang Asli dengan anggota komunis tidak disekat. Keadaan ini menyebabkan salah satu program pembangunan yang dianjurkan untuk Orang Asli ialah menempatkan semula mereka di satu kawasan yang lebih mudah dikawal dan disediakan beberapa kemudahan sosial yang paling asas dan kegiatan ekonomi baru. Kedua adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mengintegrasikan Orang Asli ke dalam masyarakat kebangsaan yang lebih luas, khususnya masyarakat Melayu. Ketiga, sesuai dengan semangat Dasar Ekonomi Baru yang mahu menyusun semula masyarakat negara ini, maka adalah penting Orang Asli dimejukkan dan ditingkatkan taraf sosioekonomi mereka. Melalui cara ini, adalah diharapkan perbezaan dalam pembangunan sosioekonomi dapat dikurangkan jika tidak dapat dihapuskan. Dan ini bertepatan dengan falsafah pembangunan yang dianjurkan oleh kerajaan untuk Orang Asli iaitu "Keselamatan Melalui Pembangunan".

Maka bolehlah dikatakan bahawa pada masa dahulu keadaan Orang Asli tidak dihiraukan oleh kerajaan. Tetapi kemudiannya mereka diberi perhatian dalam pembangunan negara akibat peristiwa Darurat yang berlaku dalam sejarah negara ini antara 1948-1960. Setelah tertubuhnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada 1953 dan setelah tamatnya Darurat, beberapa rancangan pembangunan untuk Orang Asli diatur. Setengah-setengah rancangan pembangunan itu merupakan kesinambungan daripada usaha yang dilaksanakan pada masa Darurat dahulu. Ini termasuklah RPS yang mana ianya adalah disebabkan oleh kegagalan Rancangan Pengelompokan Semula.

Menurut Lapuran Kajian Awal - RPS Orang Asli Kawasan Titiwangsa (1980), tujuan RPS ialah seperti berikut:

- 1) Tujuan utama RPS ialah untuk membasmi kemiskinan di kalangan Orang Asli iaitu merupakan masyarakat yang paling miskin.

- 2) Menyusun semula masyarakat Orang Asli melalui pembangunan yang sesuai supaya mereka dapat menikmati pendapatan tambahan.
- 3) Memodenkan kehidupan Orang Asli menerusi perkhidmatan pelajaran, perubatan, perumahan awam, sistem bekalan air dan letrik.

Namun begitu tujuan khusus RPS ialah;

- 1) Mengumpul Orang Asli di pusat-pusat yang sesuai di dalam kawasan-kawasan tradisional mereka.
- 2) Menampung asas ekonomi yang kukuh.
- 3) Membantu Orang Asli bertukar dari sistem pertanian secara pindah ke sistem yang lebih moden.
- 4) Memberi kemudahan sosial yang cukup.
- 5) Menjamin keselamatan Orang Asli.

Oleh itu RPS adalah untuk membantu pencapaian potensi pembangunan masyarakat Orang Asli secara langsung menerusi saluran-saluran ekonomi, sosial dan mental.

### 3.3: DEMOGRAFI.

RPS Kuala Betis ini menurut perancangannya akan menempatkan kesemua 21 buah kampung sekitarnya dengan jumlah sebanyak 300 keluarga sehingga tahun 2000. Dari bancian 1985, menurut Sulong Mohamed, sejumlah 16 buah kampung telah selesai dipindahkan ke Kuala Betis dengan 194 keluarga. Lihat Jadual 3.2 di sebelah. Tetapi pada 1988, mengikut kenyataan Pengurus RPS, Kuala Betis bahawa jumlah keluarga yang berada di RPS telahpun mencapai ke 320 keluarga iaitu melebihi sebanyak 20 keluarga dari matlamat asal. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 60.6 peratus dalam jangka masa 3 tahun.

Jadual 3.2: Bilangan kampung dan keluarga di RPS, Kuala Betis (1985).

Bil	Nama Kampung	Bil. keluarga
1	Kampung Kuala Betis (A)	19
2	Kampung Kuala Betis (B)	2
3	Kampung Kuala Betis (C)	8
4	Kampung Reyek	4
5	Kampung Dusun Raja	14
6	Kampung Teraneh	9
7	Kampung Bawid (A)	3
8	Kampung Bawid (B)	9
9	Kampung Chas	16
10	Kampung Langsung	8
11	Kampung Lambok A (1)	12
12	Kampung Lambok A (2)	6
13	Kampung Lambok A (3)	19
14	Kampung Lambok B	12
15	Kampung Lambok C	7
16	Kampung Kuala Betis	46
17	Kampung Encing	-
18	Kampung Mawak	-
19	Kampung Ped Pod	-
20	Kampung Ladoi Itou	-
21	Kampung Botak	-
JUMLAH		194

Sumber: JHEOA, RPS Kuala Betis.

Di samping keluarga Orang Asli, RPS Kuala Betis ini juga telah menempatkan beberapa keluarga Melayu. Daripada jumlah perancangan asal 300 keluarga, 40 keluarga adalah dikhasnkan kepada orang Melayu tetapi pada masa kini bilangan keluarga Melayu telah menjadi 46.

Dari jumlah 320 keluarga di RPS ini, sebanyak 6 keluarga adalah dari kampung yang dikaji iaitu Kampung Chengkelik dengan jumlah penduduk seramai 28 orang. Rujuk Jadual 3.3 di sebelah. Ianya adalah berdasarkan

bancian 6 buah rumah dari 8 buah rumah yang terdapat di sini (Jadual 3.4).

Jadual 3.3: Jumlah penduduk Kampung Chengkelik berasaskan taraf perkahwinan.

Lelaki dewasa* yang sudah berkahwin	7
Wanita dewasa yang sudah berkahwin	8
Lelaki dewasa	1
Wanita dewasa	1
Kanak-kanak lelaki	8
Kanak-kanak perempuan	3
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>

\* Dewasa mengikut istilah Orang Temiar ialah 15 tahun ke atas.

Jadual 3.4: Keterangan tentang anggota keluarga Kampung Chengkelik.

Rumah	Ahli dan hbn dgn k.k.	Umur	Bil gen	Jumlah
1	Ketua keluarga (k.k)	38		6
	Isteri	27	2	
	Anak lelaki	6,4		
	Anak perempuan	3,1		
2	Ketua keluarga	42		9
	Isteri	40,36		
	Anak lelaki	7,5,3	2	
	Adik ipar	23		
	Anak saudara	18		
3	Ketua keluarga	62		3
	Isteri	44	2	
	Cucu lelaki	8		
4	Ketua keluarga	30		3
	Isteri	20	2	
	Anak lelaki	6		
5	Ketua keluarga	70		2
	Isteri	60	1	
6	Ketua keluarga	35		5
	Isteri	30	2	
	Anak lelaki	9		
	Anak perempuan	15,5		

Dari 8 buah rumah yang terdapat di kampung ini iaitu 7 unit Rumah Melati dan sebuah pondok, hanya 6 sahaja dibanci kerana 2 rumah lagi tiada berpenghuni. Berdasarkan jadual 3.4 di atas, dari bilangan seramai 28 orang untuk 6 keluarga di kampung ini, ianya memberi purata 4.7 bagi setiap rumah

tetapi adalah di antara jarak antara 2 dan 9. Terdapat 5 buah rumah untuk 2 generasi tetapi hanya 3 rumahtangga sahaja yang terdiri dari keluarga asas iaitu suami, isteri dan anak-anak. Bakinya terdapat satu rumah yang terdiri dari sepasang suami isteri tanpa anak, sebuah rumah didiami oleh sepasang suami isteri dan cucu lelaki mereka manakala sebuah lagi rumah diduduki oleh suami, isteri, anak-anak serta ditambah dengan adik ipar dan pasangan suami isteri anak saudaranya.

Keadaan ini berbeza dari bancian 1980 yang menunjukkan terdapat 73 orang penduduk dengan bilangan rumah adalah 8 (dari 7 buah rumah dan sebuah pondok). Keadaan ini mungkin terjadi setelah diperkenalkan unit rumah Melati. Antara faktor-faktornya ialah bilangan keluarga yang ditetapkan di sini hanya untuk 7 keluarga sahaja. Ini menyebabkan baki yang selebihnya telah berpindah ke kampung yang lain terutamanya yang berhampiran seperti Kampung Mansoq, Kampung Lambok dan Kampung Limau. Oleh sebab itu didapati penduduk-penduduk di antara ke empat kampung ini mempunyai pertalian keluarga. Selain dari itu salah satu sebab yang lain ialah ada yang berpindah setelah berlakunya kematian pada salah seorang dari penduduk kampung ini dahulu. Keluarga simati telah berpindah ke kampung lain dan meninggalkan kampung ini kepada saudara-saudaranya yang datang dari kampung-kampung yang lain.

Sebagaimana yang diterangkan, penduduk kampung ini sekarang bukanlah terdiri dari penduduk asal. Mereka hanya datang ke sini setelah RPS diperkenalkan. Jangkamasa mereka tinggal di sini tidaklah sama. Hanya keluarga bagi rumah (3), (5) dan (6) sahaja yang merupakan keluarga yang mula-mula sekali berpindah ke kampung ini iaitu kira-kira lapan tahun yang lalu. Ini ialah kerana ke tiga-tiga keluarga ini mempunyai ikatan kekeluargaan yang rapat. Yang lainnya baru datang ke sini dan menetap di sini antara tiga bulan hingga tujuh tahun. Jadual 3.5 menunjukkan

tempat asal dan tempuh lama menetap manakala Peta 3.3 menunjukkan kawasan yang terlibat (tempat asal) sebelum ke Kampung Chengkelik.

Jadual 3.5: Tempat asal dan tempuh lama menetap.


Rumah	Bil org	Tempat asal (sebelum ke kpg ini)	Tempuh menetap
1	6	Cabai, Kelantan	1½ tahun
2	9	Lasah, Perak	7 tahun
3	3	Ipoh, Perak	8 tahun
4	3	Cabai, Kelantan	3 bulan
5	2	Kuala Poyan, Kelantan	8 tahun
6	5	Ipoh, Perak	8 tahun

Terdapat banyak sebab mengapa mereka yang berasal dari kawasan yang lain datang untuk menetap di Kampung Chengkelik ini. Antaranya ialah mereka ingin berada berdekatan dengan keluarga mereka yang menjadi penduduk asal kampung ini (Bagi keluarga 3, 5 dan 6). Tetapi apabila kematian terjadi kepada anak tempatan kampung ini, penduduk asalnya telah berpindah ke kampung yang lain tetapi keluarga 3, 5 dan 6 terus tinggal di sini. Namun begitu mereka hanya datang ke sini lapan tahun yang lalu disebabkan sebelum ini keluarga 3 dan 6 tinggal di Ipoh kerana bertugas sebagai askar Senoi Perak. Setelah berhenti dari pekerjaannya barulah mereka datang ke sini. Bagi keluarga 5 pula, ia merupakan mertua kepada ketua keluarga 3. Oleh sebab itu apabila anaknya berpindah ke sini, mereka telah mengajak keluarga 5 bersama-sama.

Bagi keluarga 2 pula, ia merupakan adik saudara kepada isteri ketua keluarga 3. Oleh sebab itu walaupun ia pernah tinggal di kampung isterinya di Lasah, Perak, ia juga turut berpindah ke sini untuk sebab yang sama seperti keluarga 5. Begitu juga dengan keluarga 1, setelah berhenti dari menjadi askar ia telah balik menetap di kampung isterinya di Cabai. Kemudian ia telah memohon memasuki RPS ini untuk lebih dekat dengan keluarga 3 yang merupakan kakak saudaranya.



PETA 3.3: Tempat asal penduduk Kampung Chengkelik.



Hasrat untuk menikmati kehidupan yang lebih baik juga telah menjadi satu sebab mengapa mereka datang ke sini contohnya keluarga 5 yang sudah tua. Ini ialah kerana kampung asalnya di Kuala Poyan masih lagi terpencil dan susah untuk dilawati oleh anaknya serta ini lebih menyenangkan anak beliau membantu urusan dan menjaga kebajikannya. Keinginan bagi mendapatkan rawatan yang lebih baik dan kepentingan persekolahan anak mereka juga adalah salah satu sebab mereka ke mari. Ini ialah kerana kampung asal mereka yang jauh di pedalaman agak sukar untuk dinikmati segala kemudahan tersebut.

Faktor yang lain ialah dari segi pekerjaan contohnya keluarga 4 yang berasal dari Kampung Cabai, ulu Kelantan baru sahaja datang tiga bulan yang lalu untuk menumpang di kampung ini disebabkan terdapat tawaran pekerjaan untuknya di sini. Beliau merupakan seorang pembuat sumpitan.

Ini menunjukkan disebabkan oleh beberapa faktor yang kebanyakannya untuk kesenangan mereka sendiri, penduduk kampung ini sanggup meninggalkan kampung halaman mereka bagi menetap di Kampung Chengkelik ini.

#### 3.4: ORGANISASI PERKAMPUNGAN.

Walaupun Kampung Chengkelik ini adalah di bawah RPS dan konsepnya didasarkan kepada model pembangunan tanah FELDA, namun terdapat beberapa perbezaan antara keduanya. Tidak seperti corak pembangunan FELDA, bentuk RPS seperti Kuala Betis memerlukan seluruh penduduk kampung Orang Asli dipindahkan ke suatu penempatan berpusat yang lebih besar tetapi struktur masyarakat kampung asal serta sistem kepimpinannya dikekalkan. Oleh itu ciri-ciri organisasi perkampungan Kampung Chengkelik ini masih lagi mengikut adat dan cara hidup masyarakat Temiar walaupun tidak secara

mutlak akibat dari perubahan masa. Dari segi pentadbiran, Kampung Chengkelik terletak di bawah Kampung Lambok A. Terdapat tiga buah kampung di bawah Kampung Lambok A. Oleh sebab itu hanya terdapat seorang Batin bagi ke tiga-tiga kampung ini. Namun begitu oleh kerana jaraknya yang agak jauh di antara Kampung Chengkelik dan Batin yang berada di Kampung Lambok maka terdapat seorang wakil di kampung ini bagi mewakili Batin membuat keputusan sekiranya diperlukan dengan segera. Malah wakil tersebut iaitu Mohd. Yunus bin Chu atau lebih dikenali sebagai Pak Chu dianggap sebagai Ketua Kampung bagi penduduk kampung ini. Apabila ditanya kepada penduduk di sini mereka menyatakan bahawa ketua kampung mereka ialah Pak Chu kerana Penghulu atau Batin Lambok terlalu jauh. Malahan kenyataan ini juga diberikan oleh kakitangan JHEOA kepada saya. Ini menunjukkan Pak Chu bukan sahaja mendapat pengiktirafan dari JHEOA dan penduduk kampung ini tetapi juga oleh penduduk kampung lain yang berada di RPS ini serta orang luar seperti orang tengah dan pelawat-pelawat kerana beliau merupakan orang pertama yang ditemui oleh sesiapa yang datang ke kampung ini. Peranan Pak Chu ini boleh didapati sama dengan tanggungjawab Batin kerana ia amat berpengaruh dalam semua aspek iaitu dari aspek ekonomi, sosial dan politik masyarakat kampung ini. Hanya dalam urusan keagamaan atau ritual sahaja Batin di Lambok selalunya turut serta dalam soal masyarakat kampung ini. Dalam keadaan yang lain kebanyakannya dilakukan oleh Pak Chu.

Ketua Kampung Chengkelik ini mungkin boleh disesuaikan dengan dua dari lima jenis Penghulu yang diterangkan oleh Carey (1961:162) iaitu menepati dengan Penghulu yang diiktiraf oleh sebahagian pegawai kerajaan tetapi bukan dalam bentuk surat kuasa serta Ketua Kampung tradisional yang diiktiraf secara tak resmi oleh kerajaan. Pengaruh Pak Chu ini mungkin disebabkan oleh pengalamannya yang luas kerana

pernah berkhidmat sebagai askar Senoi Peraq sehingga ke pangkat Sarjen Mejar. Selain dari itu beliau juga boleh bertutur di dalam Bahasa Malaysia dengan baik dan mempunyai sifat-sifat kepimpinan. Salah satu dari bukti ketokohnya ialah beliau pernah menjadi Ketua Pemuda UMNO bagi cawangan Kuala Betis sebelum diganti oleh anak saudaranya.

Ia juga bertindak sebagai orang perantaraan di antara masyarakat Kampung ini dengan masyarakat luar. Beliau juga sering menjadi tempat rujukan masyarakat Temiar dan masyarakat luar di mana pendapat dan pandangan beliau akan ditanya sekiranya perkara itu melibatkan ke dua-dua masyarakat seperti soal pekerjaan atau sekiranya masalah timbul di atas ketidakpuasan hati di antara masyarakat Temiar dan masyarakat luar.


Penduduk kampung ini pada keseluruhannya boleh dikatakan mempunyai hubungan persaudaraan (kekeluargaan) di antara satu sama lain kecuali untuk rumah 4. Ini bertepatan dengan pendapat Noone (1936:21) yang mengatakan bahawa masyarakat Temiar lebih suka hidup di dalam kelompok keluarga mereka.

It is made up of several individual families which are related to each other in a special way....

Society is a family affair for the Temiar. Everybody is addressed or referred to by his appropriate kinship term....

Sebab-sebab mengapa mereka hidup dalam keadaan berkelompok di kampung ini mungkin juga adalah sama dengan mengapa mereka berpindah ke sini iaitu untuk kemudahan dan kebajikan yang lebih baik serta ingin berada lebih hampir dengan keluarga mereka. Rujuk Rajah 3.1.

Rajah 3.1: Hubungan kekeluargaan antara penduduk Kampung Chengkelik dengan ketua keluarga 3.



R 1: Ketua keluarga 1 adalah anak adik kepada emak isteri ketua keluarga 3.

R 2: Ketua keluarga 2 adalah anak kakak kepada emak isteri ketua keluarga 3.

### 3.5: KEMUDAHAN DI KAMPUNG CHENGKELIK.

Kemudahan-kemudahan yang terdapat di Kampung Chengkelik ini terbahagi kepada dua jenis iaitu yang disediakan oleh kerajaan dan kemudahan yang disediakan sendiri oleh penduduk kampung ini.

Bagi kemudahan yang diberikan oleh kerajaan ialah kemudahan penempatan iaitu 0.81 hektar tanah beserta sebuah rumah unit Melati bagi setiap keluarga. Rumah ini dibahagikan kepada satu ruang dapur, satu ruang tamu, satu bilik dan beranda. Dinding serta lantai rumah ini dibuat dari papan manakala atapnya berzink. Selain dari itu disediakan satu unit tandas curah bersama dengan setiap unit rumah Melati ini. Lihat Lampiran 1 untuk pelan unit rumah Melati.

Tiada sebarang kemudahan asas seperti api letrik dan air paip disediakan di sini. Penduduk kampung ini menggunakan sungai untuk bekalan air serta pelita untuk menggantikan letrik. Bagi kemudahan pengangkutan pula terdapat jalan balak yakni jalan tanah merah yang disediakan oleh kerajaan untuk masuk ke kampung ini. Selain dari itu sungai dan denai juga menjadi penghubung kampung ini dengan masyarakat sekitar.

Untuk kemudahan mereka, penduduk kampung ini telah bergotong royong bagi membina sebuah balai raya yang digunakan sebagai tempat bermesyuarat atau pertemuan penduduk di sini dan masyarakat sekitar. Selain dari itu ia juga berfungsi sebagai pusat kraftangan dan tempat menyimpan ubat-ubatan yang akan dijual. Ia juga menjadi tempat penginapan bagi masyarakat luar yang datang ke kampung ini. Terdapat juga sebuah setor untuk menyimpan rotan, bangsal bagi memasak rotan serta tempat untuk menjemur rotan. Segala kemudahan berikut disediakan sendiri oleh penduduk kampung ini.

Salah seorang penduduk kampung ini juga telah mengusahakan sebuah

kedai runcit. Ia bukan sahaja untuk kegunaan penduduk di sini malah turut menjadi tumpuan masyarakat sekitar. Terdapat juga penjual-penjual bermotor dan berkereta menjual barang dagangan mereka di kampung ini.

Kesimpulannya, penduduk kampung ini masih lagi mempunyai kekurangan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Namun begitu mereka telah berusaha sendiri di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan agar ianya dapat memainkan peranan supaya mereka akan menjadi lebih berinteraksi dan ini boleh mengeratkan lagi hubungan sesama mereka tanpa mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata.

## BAB 4: PERHUBUNGAN EKONOMI

### 4.1: PENGENALAN.

Kegiatan ekonomi penduduk Kampung Chengkelik terbahagi kepada dua kategori utama iaitu ekonomi sara diri (subsistence) dan ekonomi komoditi. Ekonomi sara diri merupakan satu bentuk ekonomi di mana pengeluarannya adalah untuk kegunaan sendiri, tidak ada lebih untuk jualan dan tidak ada proses jual beli yang berlaku. Sekiranya proses jual beli itu terjadi, ia hanya pada tahap yang minimum sahaja dan bertujuan untuk memenuhi 'personal needs' untuk mendapat nilai lebih. Ekonomi sara diri merupakan tanaman makanan utama penduduk di sini.

Ekonomi komoditi melibatkan proses jual beli dan penggunaan wang sebagai alat utama dalam perantaraan pertukaran. Ia meliputi semua kegiatan untuk mendapatkan pendapatan. Ia dilakukan secara giat dan menjadi penting apabila pengenalan penggunaan wang dari luar telah meresapi kehidupan masyarakat Temiar. Ini menyebabkan timbulnya keinginan memiliki barang-barang seperti televisyen, radio dan lain-lain lagi barang keperluan yang semakin dititikberatkan dalam kehidupan seharian mereka. Selain dari itu usaha kerajaan untuk meninggikan lagi taraf hidup Orang Asli dengan cara menggalakkan mereka melibatkan diri dalam ekonomi pasaran telah menyebabkan pengeluaran barang-barang komoditi dipergiatkan. Ini diharapkan akan menukarkan ekonomi Orang Asli dari bentuk subsistence ke bentuk komoditi (JHEOA 1978:1).



#### 4.2: EKONOMI SARA DIRI.

Di Kampung Chengkelik, bagi ekonomi sara diri penduduk kampung ini menanam padi huma dan ubi kayu manakala tanaman sampingan ialah cili padi, tebu, nenas, pisang, terung, tembakau dan keladi. Kesemua tanaman ini diusahakan bersama-sama di ladang seluas 2.02 hektar yang terdapat di seberang kampung ini (seberang Sungai Betis). Separuh darinya lagi boleh didapati di sekeliling rumah mereka. Ladang yang dikerjakan oleh mereka bukanlah merupakan sebahagian dari Rancangan Dusun yang seluas 242.9 hektar yang diperuntukkan oleh JHEOA kepada Orang Asli. Ini ialah kerana sehingga kajian dilakukan, penduduk kampung ini belum lagi menerima Pembahagian mereka kerana ianya dijalankan secara berperingkat-peringkat.

Padi bukit ditanam setahun sekali dan hasilnya boleh menampung selama setahun sehingga ke musim menanam yang baru. Menurut penduduk di sini, pada tahun ini mereka tidak akan menanam padi kerana mereka masih mempunyai bekalan beras yang mencukupi. Selain dari padi, mereka juga turut menanam keladi, nenas, ubi kayu, jagung, tembakau dan lain-lain jenis sayuran. Ubi kayu dan jagung digunakan untuk menggantikan nasi dan keadaan ini mungkin menyebabkan bekalan beras mereka mencukupi sehingga musim menanam yang akan datang.

Memburu dan menjerat tidak begitu meluas dijalankan oleh penduduk di sini. Mereka berkata keadaan ini ialah kerana di dalam hutan sekarang terdapat kekurangan binatang disebabkan oleh perlaksanaan projek RPS ini serta kegiatan membalak. Namun begitu kadang-kala mereka masih ke hutan untuk menembak burung dengan menggunakan senapang dan sumpitan. Tetapi ianya hanya kegiatan sambilan kerana mereka boleh mendapatkan bekalan daging dari bandar Gua Musang yang letaknya kira-kira 32 km dari kampung.

Ini menurut mereka lebih mudah dari memburu di hutan tapi belum diketahui hasilnya.

Begitu juga bagi menangkap ikan, keadaan ini tidak seperti dahulu lagi di mana sekarang ianya hanya merupakan kegiatan di masa lapang atau sambilan sahaja. Mereka lebih suka membeli ikan dari penjual yang datang ke kampung atau dari pasar di Gua Musang sekiranya mereka mempunyai wang atau urusan di bandar. Kebanyakan dari mereka menangkap ikan menggunakan pancing di sepanjang Sungai Betis.

Merambu dan memungut dilakukan oleh penduduk di sini hanya apabila mereka teringin untuk memakan sesuatu makanan hutan seperti kulat, cendawan, rebung dan ulam. Ianya merupakan pencarian untuk subsistence dan bukan bertujuan perdagangan. Selain dari itu mereka juga mengutip kayu api untuk kegunaan dapur, buluh bagi membuat dinding dan lantai rumah serta mencari akar-akar kayu untuk tujuan perubatan.

#### 4.3: EKONOMI PASARAN.

Namun begitu terdapat juga pengeluaran yang dulunya merupakan sebahagian dari ekonomi sara diri yang telah bertukar ke arah ekonomi pasaran malah menjadi salah satu punca pendapatan mereka contohnya pisang. Ini diterangkan oleh Roseman (1982:4) iaitu,

they undergo a transition from subsistence economy towards increased participation in the national market economy.

Ini disebabkan oleh galakan dari pihak JHEOA agar penduduk di sini menanamnya secara besar-besaran dengan menjanjikan kerjasama FAMA untuk permasalahan tetapi hasilnya projek ini tidak membawa sebarang keuntungan malah mendatangkan kerugian kepada Orang Asli. Ini ialah kerana pihak FAMA tidak dapat membantu dengan alasan pisang yang dihasilkan adalah

deri mutu yang rendah. Keadaan ini menyebabkan Orang Asli merasa kecewa dan hanya membiarkan saja ladang pisang mereka menjadi habuan binatang seperti burung, kelawar dan tikus. Mereka juga merasa terkilan bukan sahaja di atas kerugian yang dialami dari segi wang tetapi juga dari jumlah tenaga yang telah mereka curahkan untuk ladang pisang mereka itu.

Menurut mereka pada masa JHEOA menyuruh mereka menanam pisang dan sayuran seperti terung, lobak dan sawi secara besar-besaran, pasaran barangan tersebut adalah tinggi. Tetapi apabila tanaman dan sayuran ini mengeluarkan hasil pasaran untuknya telah jatuh dan ianya tidak mendapat perhatian dengan alasan ketiadaan pasaran. Mereka disuruh menunggu serta menjualnya sendiri. Ini menyukarkan mereka kerana ketiadaan kenderaan untuk membawa hasil-hasil tersebut ke bandar. Selain dari itu sayuran pula tidak dapat bertahan lama. Jadi mereka hanya menjualkannya kepada kakitangan JHEOA atau sesiapa yang datang ke kampung mereka dengan harga yang murah. Misalnya pisang dijual dengan harga 25 sen sekilo padahal ianya dapat dijual dengan harga 35 sen hingga 50 sen sekilo di bandar. Tetapi ketiadaan kenderaan dan sewa yang agak mahal di antara 5 ringgit sehingga 7 ringgit untuk ke bandar tidak mampu diadakan oleh penduduk kampung ini dan ini menyebabkan ianya terpaksa dijual pada orang tengah.

Selain dari itu rotan juga merupakan kegiatan utama bagi penduduk kampung ini. Hasil dari jualan rotan bukan sahaja merupakan pendapatan utama penduduk Kampung Chengkelik malah keseluruhan penduduk RPS Kuala Betis. Ini ialah kerana kawasan hutan di sini masih banyak dengan rotan. Kampung Chengkelik juga merupakan pusat bagi rotan dan kraftangan kerana rotan dari seluruh Kuala Betis di bawa ke sini untuk diproses sebelum dijual pada orang tengah untuk dieksport ke luar negeri terutamanya Singapura dan Hong Kong. Oleh itu penduduk Kuala Betis ini akan ber-

ganding bahu dalam usaha mencari rotan sehingga ianya siap untuk dijual.

Di kawasan ini mereka mengutip rotan kadang kalanya sehingga dua kali sebulan. Pada masa kajian dilakukan penduduk lelaki dari Kampung Mansoq, Kampung Limau, Kampung Lambok dan Kampung Chengkelik telah sama-sama pergi ke hutan. Sehari sebelum rotan dikutip mereka akan diberitahu oleh seorang penduduk di sini setelah dihubungi oleh orang tengah atau taukeh. Keesukkannya mereka akan berkumpul di Kampung Chengkelik untuk sama-sama ke hutan. Ini menunjukkan sifat 'sharing' masih lagi diamalkan oleh mereka. Ianya mungkin disebabkan kerana kerja ini adalah berat serta kebanyakan dari mereka mempunyai pertalian keluarga.

Pada hari yang pertama mereka akan ke hutan dengan berjalan kaki dan menebang serta memotong rotan dan dikumpulkan di satu tempat. Ianya dilakukan sehingga mereka merasa ianya cukup untuk dijual. Kemudian mereka akan menyewa sebuah lori 'trailer' untuk mengangkut rotan-rotan tersebut balik ke Kampung Chengkelik.

Sebelum diproses rotan-rotan itu dipotong kira-kira lapan meter. Ianya kemudian dimasak di dalam sebuah dapur yang khas. Selepas diangkat ianya akan disapu dengan abuk kayu untuk melicin dan mengilatkannya. Kemudian ia akan dijemur sehingga kering. Akhirnya ia akan diikat sebanyak 20 batang bagi setiap berkas. Kerja-kerja pemerosesan ini dilakukan bersama oleh kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak. Rotan yang sudah diproses ini kemudian disimpan di dalam setor untuk diambil oleh taukeh.

Terdapat tiga jenis rotan yang boleh didapati di sini iaitu:-

- 1) Rotan manau
- 2) Rotan bantang
- 3) Rotan tasung

Dari tiga jenis rotan ini, rotan manau lebih digemari. Ini ialah

kerana ianya lebih besar dan lebih berat. Ia juga boleh didapati dengan harga yang tinggi di pasaran luar di mana bagi se tan dapat dijual dengan harga \$ 2500. Rotan-rotan ini dijual dengan harga yang berbeza mengikut jenis dan gred.

Jadual 4.1: Harga Bagi rotan manau mengikut gred.

Gred	Harga
A	\$3.20
B	\$1.50
C	\$1.00

Gred rotan ini ditentukan oleh para pembeli atau orang tengah dengan cara melihat keadaan rotan itu samada sudah masak atau elok. Jika ianya sudah matang dan elok grednya akan naik tetapi sekiranya masih muda dan rosak grednya akan jatuh. Selalunya taukeh-taukeh ini akan memberi berbagai alasan untuk membeli rotan ini dengan harga yang rendah.

Hasil hutan yang lain selain dari rotan yang dijual secara kecil-kecilan ialah akar kayu. Antara contohnya ialah Teja Lawang, Akar Calong, Akar Resdung, Tongkat Ali dan lain-lain jenis lagi. Ianya dijual dengan harga \$ 3.00 bagi setiap 200 gm. Bagi akar resdung ia akan dipotong sepanjang lima belas sm. setiap satu dan dijual dengan harga 50 sen.

Mereka juga ada menjual kraftangan seperti bakul, tikar mengkuang, bubu serta sumpitan yang berharga 25 ringgit sebatang bergantung kepada kehalusan buatan sumpitan itu.

#### 4.4: ORANG TENGAH.

Orang tengah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan ekonomi masyarakat kampung ini. Mereka amat diperlukan bagi memasarkan rotan,

pisang serta gaharu. Ini disebabkan oleh keadaan penduduk kampung ini yang tidak berupaya memasarkannya sendiri di bandar kerana masalah-masalah yang dihadapi mereka seperti ketiadaan kenderaan, kekurangan modal, masalah perhubungan serta lain-lain masalah. Oleh sebab itu segala urusan untuk mengeluarkan bahan-bahan tersebut dari kampung ini diambilalih dengan peranan orang tengah.

Orang tengah di Kampung Chengkelik ini terdiri dari Orang Cina dan Orang Melayu. Namun begitu untuk rotan dan gaharu taukehnya terdiri dari Orang Cina. Pisang selalunya dijual kepada orang tengah yang terdiri dari penjual ikan dan barang-barang runcit yang datang ke sini tiga kali seminggu iaitu Syidi. Ia tinggal di Kampung Melayu yang terletak kira-kira 6 km dari Kampung Chengkelik. Taukehnya ialah Yaw Chee Meng dari Kuala Betis. Oleh itu Syidi hanya menjadi agen kepada taukehnya.

Sepatutnya dalam hal pemasaran pisang, JHEOA telah menjanjikan kerjasama FAMA tetapi ianya tidak berjalan sebagaimana yang dirancangkan. Alasan JHEOA tentang perkara ini ialah mutu pisang yang dihasilkan tidak menepati gred yang ditetapkan oleh FAMA. Oleh itu FAMA tidak langsung memainkan peranan dalam aktiviti ekonomi pasaran penduduk kampung ini. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa terus bergantung kepada orang tengah.

Orang-orang tengah ini akan cuba untuk membeli barang-barang dari Orang Asli dengan harga yang paling minima tetapi akan menjualnya di pasaran dengan harga yang tinggi. Ini menyebabkan orang tengah ini mendapat keuntungan yang berlipat ganda hasil dari usaha dan kerja keras Orang Asli. Williams-Hunt (1952) menegaskan,

Malay and Chinese traders are only too ready to make a quick profit from the unwitting Aborigine...

Rotan merupakan hasil hutan di bawah Akta Perhutanan (1935). Oleh sebab itu sesiapa yang ingin mengeluarkan hasil hutan mestilah mendapat kebenaran dan lesen serta membayar cukai kepada kerajaan Negeri. Di Kuala Betis, JHEOA telah diberikan permit untuk mengeluarkan lesen di bawah namanya dan tiga lesen telah dikeluarkan iaitu:-

- 1) kepada Taukeh dari Tanah Merah.
- 2) kepada Taukeh dari Gua Musang.
- 3) kepada Taukeh dari Kuala Betis.

Namun begitu tender untuk mengeluarkan rotan telah diberikan kepada salah seorang penduduk Kampung Chengkelik di bawah nama JHEOA dengan Koperasi Kijang Mas. Ini ialah kerana Koperasi ini menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan ekonomi Orang Asli dan ianya mempunyai hubungan dengan Taukeh Guan Bee dari Kuala Krai yang mendapat tender pemasaran rotan di kawasan ini. Keadaan ini mungkin untuk menjaga kebajikan Orang Asli yang terlibat dalam kerja mencari rotan. Mc Lellan (1983:104) dalam artikelnya menyebut,

...statistics reveal the role of nipah, rattan and bamboos as sources of national revenue, and further development of such products as export commodities is promising. About 12,000 Orang Asli collectors, Chinese traders and merchants are involved in this activity. The position of the Orang Asli as a collector of such produce seems secure, so long as the primary jungle itself survives.

Selain dari memasarkan rotan, orang tengah ini juga kadang kalanya memainkan peranan dengan membayar upah di atas usaha Orang Asli mengeluarkan rotan dari hutan. Menurut salah seorang penduduk di sini, segala urusan berkaitan dengan rotan dilakukan oleh pembantu Guan Bee iaitu Ah Heng. Dahulunya mereka dibayar mengikut 'Kong'\* iaitu kira-kira \$ 12 hingga \$ 15 sehari dan mereka boleh mendapatkan sehingga \$ 120 sebulan. Tetapi sekarang upah yang diberi adalah bergantung kepada

---

\* Kong: Gaji yang dibayar mengikut kiraan hari dari pukul 8 pg- 1 t/hari.

taukeh dengan puratanya antara \$ 8 hingga \$ 10. Tetapi jika mereka mengeluarkan sendiri rotan dari hutan, hasil yang mereka perolehi bergantung kepada jumlah yang didapati. Ia akan dijual secara berkelompok tetapi kemudiannya akan dikira dan dibahagikan oleh ketua mereka yang terdiri dari salah seorang daripada mereka. Kebiasaannya mereka akan dibayar oleh taukeh itu setelah beberapa hari dan resit diberikan sebagai bukti pembayaran.

Gaharu juga merupakan salah satu hasil rotan yang dijual melalui orang tengah iaitu Taukeh Lim dari Gua Musang. Ini hanya merupakan pendapatan sampingan sahaja kerana kesukaran dalam mendapatkannya. Harganya dalam pasaran adalah tinggi tetapi orang tengah ini akan membelinya dengan harga yang rendah dan tidak setimpal dengan kerja yang mereka lakukan. Alasan yang diberikan ialah gaharu itu tidak elok, kurang isi serta tidak matang.

Peranan orang tengah masih lagi penting kepada Orang Asli di kampung ini walaupun kadang kala mereka tidak berpuas hati di atas bayaran-nya. Ini disebabkan peranan menetapkan harga hanya menjadi hak orang tengah manakala Orang Asli terpaksa sahaja menerimanya kerana takut hasil pencarian mereka terbiar begitu sahaja. Menurut Dunn (1975:101),

Pricing of products is still largely the traders prerogative. ...Orang Asli is not in a position to bargain and accepts what prices he is offered by the secondary trader because the only alternative is to allow the material to deteriorate.

Keadaan ini bertentangan dengan kajian Gomes (1986) tentang kegiatan ekonomi komoditi masyarakat Semai di Tapah yang sudah mula memainkan peranan mereka di dalam menetapkan harga. Sebaliknya masyarakat di kampung ini terpaksa akur kepada harga yang telah ditetapkan kepada mereka oleh orang tengah. Segala urusan jual beli di antara orang tengah dan penduduk kampung ini dilakukan di kampung ini sendiri kerana ia juga



berperanan sebagai tempat pemasaran.

#### 4.5: PEMBELIAN BARANG.

Penduduk kampung ini juga berhubung dengan masyarakat luar melalui pembelian barang-barang. Di kampung ini terdapat dua orang penjual yang masuk antara tiga hingga empat kali seminggu. Mereka menggunakan lori kecil dan kereta dan menjual barang-barang seperti ikan, biskut, makanan dalam tin, jenis makanan ringan, minuman botol dan lain-lain keperluan harian.

Salah seorang penjual yang sering datang ke kampung ini ialah Tok Raja. Ia membawa dagangannya dengan kereta. Ia tinggal di Kampung Kuala Betis kira-kira 7 km dari kampung ini. Ia masuk ke sini empat kali seminggu. Selalunya barang-barang yang dijualnya berbeza dengan harga di luar antara 10 hingga 20 sen. Walaupun baginya keuntungan yang didapatinya tidak seberapa tetapi bagi penduduk di sini harga yang dikenakan-nya masih mahal dan mereka jarang membelinya sungguhpun pada pendapat masyarakat luar harganya agak berpatutan. Ini ialah kerana masyarakat di sini selalu ketiadaan wang sekiranya mereka tidak melakukan pekerjaan.

Syidi menggunakan lori kecil untuk membawa barang jualannya yang agak sama dengan jenis barang dijual Tok Raja. Ia datang tiga kali seminggu. Ia mendapat bekalan dari taukehnya di Kuala Betis. Ia juga menjadi orang tengah dan membeli pisang dari penduduk di sini untuk dijual di Gua Musang. Ia dapat bertutur Bahasa Temiar dengan baik kerana ia banyak berkawan dengan masyarakat Temiar disebabkan ia tinggal di kampung Melayu bersebelahan dengan RPS ini. Ini juga dapat membantunya dalam perhubungannya dengan masyarakat Temiar.

Kadang kala terdapat juga seorang penjual bermotor dari Kuala

Betis yang datang berjual di kampung ini. Selain dari barang makanan ia juga turut menjual pakaian, selipar dan barang permainan. Namun begitu ia jarang ke sini kerana menurutnya penduduk-penduduk di sini hanya akan membeli barangan apabila mereka mempunyai wang sahaja. Oleh sebab itu ia hanya menjual di kampung ini apabila ia memikirkan penduduk di sini mempunyai wang, selalunya setelah menjual rotan.

Ketiga-tiga penjual ini mengenakan bayaran tunai kepada penduduk di sini. Ini mungkin kerana kedatangan mereka yang tidak tetap atau kerana kurang yakin pada masyarakat di sini. Walaubagaimanapun didapati bahawa penduduk di sini jarang membeli barang jualan dari penjual ini kerana tidak mamapu atau harga yang dikenakan difikirkan mahal.

Selain dari itu mereka juga lebih suka membeli barang-barang yang diperlukan di Gua Musang di mana lebih banyak pilihan dapat dilakukan. Mereka akan memesan barangan itu dari penduduk yang pergi ke Gua Musang untuk menjimatkan belanja sewa kereta. Walaubagaimanapun ia hanya dilakukan apabila mereka mempunyai wang yang cukup atau barangan itu amat diperlukan mereka.

Mereka juga boleh mendapatkan bekalan makanan dari kedai yang diusahakan oleh salah seorang penduduk di sini. Pak Chu menjual barang-barang keperluan harian seperti tepung, telur, gula, makanan dalam tin dan lain-lain barangan yang difikirkan perlu untuk kegunaan mereka.

Barang-barang ini dijualnya secara tunai. Kedai runcit ini turut menjadi tumpuan penduduk-penduduk berhampiran. Bekalan bagi barang-barang ini didapati dari Gua Musang secara tunai. Selalunya barang-barang yang dipesannya akan dihantar pada hari Ahad oleh pemborong Cina tersebut. Tetapi kadang kala ia akan mengambilnya sendiri sekiranya anak saudaranya datang ke rumahnya untuk menjimatkan perbelanjaan. Beliau juga turut

menolong menguruskan pembelian barang-barang makanan untuk penduduk yang tinggal di kawasan yang lebih jauh contohnya di Hau. Ini ialah kerana kesukaran penduduk tersebut keluar ke bandar serta mereka mempunyai hubungan kekeluargaan.

Kedai Koperasi Orang Asli juga menyediakan barang-barang yang diperlukan. Ianya terletak di pusat RPS Kuala Betis iaitu kira-kira 4.8 km dari kampung ini. Ia dikendalikan oleh JHEOA walaupun pada dasarnya ia adalah hak Orang Asli tempatan. Pembelian untuk barang-barang di sini boleh dilakukan secara tunai atau kredit bergantung kepada keahlian seseorang. Sekiranya individu itu menjadi ahli maka ia boleh membayarnya secara kredit. Jika tidak ia terpaksa membayarnya secara tunai.

Oleh itu, pembelian barang dan perhubungan dengan orang tengah bagi penduduk di kawasan ini adalah tidak sama dengan keadaan yang dikatakan oleh Williams-Hunt (1952) dan Noone (1936:47) bahawa masyarakat ini dibenarkan berhutang. Ini mungkin disebabkan oleh perubahan masa serta sikap mereka sekarang yang tidak mahu berhutang kerana menurut kata sebilangan penduduk di sini, "susahlah sebab tak tahu bila nak ada wang".

#### 4.6: KESIMPULAN.

Dari segi ekonomi, perhubungan antara Orang Asli dengan masyarakat luar sudah wujud sekian lama malah menurut Dunn (1975) sejak dari kurun ke empat lagi. Manakala Susan Mc Lellan (1983:102) pula menyatakan,

Since the nineteenth century most economic activities by the Orang Asli have been carried out in concert with Chinese traders and middlemen.

Perhubungan ini terus terjalin sehingga sekarang. Namun begitu didapati bahawa di dalam perhubungan ekonomi ini masih terdapat lagi ketidakseimbangan di antara Orang Asli dan masyarakat luar terutamanya dengan orang tengah. Ini ialah kerana mereka masih lagi dipergunakan contohnya di dalam penetapan harga mereka tidak dapat menuntut bayaran yang lebih tinggi kerana hanya dianggap sebagai buruh yang murah. Mereka juga terpaksa menerima harga yang diberikan kerana bagi hasil pertanian seperti pisang dan sayuran ianya tidak dapat bertahan lama dan mereka memerlukan wang untuk digunakan (Mc Lellan 1983:90, 103).

Usaha kerajaan untuk mengintegrasikan ekonomi mereka ke dalam sistem ekonomi moden pada asasnya telahpun menampakkan hasilnya. Namun begitu kejayaannya tidaklah boleh terlalu dibanggakan. Terdapat banyak sebab yang boleh menjadi punca di atas kegagalan ini. Namun begitu faktor utamanya ialah kegagalan pihak kerajaan mengujudkan satu dasar yang benar-benar dapat membantu Orang Asli dalam mencapai taraf hidup yang setanding dengan bangsa-bangsa lain. Misalnya kegagalan JHEOA untuk mendapatkan kerjasama FAMA dalam usaha memasarkan barang-barang keluaran mereka. Ini akan menghilangkan keyakinan mereka terhadap kerajaan dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Selain dari itu dari segi pembelian rotan, mereka telah dieksploitasi oleh orang tengah. Oleh kerana JHEOA mempunyai hak dalam mengeluarkannya adalah lebih baik jika JHEOA dapat mengawal tender tersebut kepada mereka yang dapat menawarkan harga yang paling tinggi kepada Orang Asli dan penduduk kampung ini boleh menjualnya secara bebas. Ini ialah kerana di waktu sekarang tanpa kawalan harga dan keluaran rotan ia hanya akan merugikan negara kerana sekiranya peranan orang tengah dihapuskan dan tender dapat dikawal, rotan itu dapat dipasarkan secara terus dengan

mengeksportnya secara langsung ke luar negeri yang mana cara ini akan memberi lebih keuntungan kepada Orang Asli dan kerajaan.

Mereka juga terlalu bergantung kepada orang tengah dari segi pasaran walaupun mereka hanya dibayar dengan harga yang rendah untuk hasil jualan mereka. Apabila ditanya mengapa mereka tidak cuba meminta pertolongan dari JHEOA untuk memasarkannya mereka berkata "kalau suruh JHEOA mesti kena komisen". Ini menunjukkan bahawa mereka mempunyai kesedaran bahawa campurtangan dari lebih banyak pihak akan merugikan mereka. Untuk memasarkan sendiri barangan seperti gaharu, mereka menyatakan bahawa mereka tidak tahu taukeh besar yang ingin membelinya. Kemahuan untuk mendapatkan wang yang lebih banyak oleh Orang Asli mungkin disebabkan perkembangan pasaran dan ekonomi serta adanya hubungan yang timbul antara mereka dengan masyarakat luar.

Kesimpulannya penduduk kampung ini mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat luar terutamanya Orang Cina dan Orang Melayu dari segi ekonomi. Ini ialah kerana peranan orang tengah dalam memasarkan barangan mereka ke kawasan luar. Selain dari itu hanya dari golongan inilah mereka memperolehi pendapatan dengan cara menjual hasil pekerjaan mereka.

Mereka juga dikatakan mempunyai hubungan yang erat dan baik dengan JHEOA kerana Koperasi Kijang Mas yang menguruskan hal ekonomi Orang Asli adalah di bawah kendalian pegawai-pegawai JHEOA walaupun terdapat juga pekerjaannya yang terdiri dari Orang Asli.

Walaupun pada dasarnya kita dapati bahawa perhubungan yang dijalin-kan adalah dalam suasana yang baik tetapi jauh di hati mereka masih terdapat lagi kekecewaan dan kecurigaan akibat ketidakpuasan hati mereka dalam urusan ekonomi ini. Ianya mungkin disebabkan oleh kegagalan dari

satu pihak untuk memenuhi kehendak satu pihak yang lain di mana ianya banyak berakhir dengan keadaan Orang Asli yang terperangkap dan tersepit. Namun begitu keadaan yang berat sebelah itu terpaksa diteruskan untuk mendapatkan wang bagi keperluan keluarga mereka.

Oleh sebab itu dipercayai bahawa kerajaan perlulah membuat pelaksanaan yang lebih baik serta memberi perhatian yang lebih serius kepada Orang Asli. Campurtangan yang lebih tegas oleh pihak kerajaan amatlah penting bagi mencapai matlamat membangunkan ekonomi Orang Asli ke dalam masyarakat moden. Ini ialah agar ketidakpuasan mereka dapat dikurangkan agar dasar untuk mengintegrasikan mereka ke masyarakat nasional dapat dicapai tanpa sebarang rungutan sebagaimana yang diluahkan mereka kepada Dentan (1971:81),

We stay poor and everyone else get rich. The Chinese get rich. The Indians get rich. The Malays get rich. And they all get rich from the land of us hinterland people. Is that fair?

Maka walaupun ekonomi mereka dapat dialihkan ke ekonomi pasaran dan kapitalis kerana penglibatan mereka secara langsung dalam segi ekonomi namun ianya tidak akan bermakna sekiranya matlamat untuk menjadikan mereka sebahagian dari rakyat Malaysia tidak terlaksana. Kerajaan sebagai agen utama haruslah mengambil perhatian kerana penglibatannya amatlah penting. Ini ialah kerana sikap terbuka Orang Asli ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dari kerajaan.

The increased emphasis on market exchange also result from the Government's commitment to the integration of the Orang Asli into the national market economy.

(Roseman 1982:5)

## BAB 5: KERAJAAN DAN ORANG TEMIAR DI KAMPUNG CHENGKELIK

### 5.1: PENGENALAN.

Pada masa dahulu kerajaan dikatakan tidak mengambil berat tentang kehidupan Orang Asli. Ini ialah kerana mereka hanya dianggap sebagai 'museum-piece' dan harus dibiarkan dalam keadaan asal untuk mengekalkan keasliannya. Hasil dari sikap kerajaan ini menyebabkan Orang Asli hidup terpisah dari dunia luar dalam aspek politik.

Namun begitu selepas Perang Dunia Kedua, apabila komunis mula menjadikan Orang Asli sebagai tempat untuk mendapatkan bekalan makanan bagi melawan kerajaan, keadaan ini telah menyedarkan pemerintah bahawa Orang Asli perlu diberi perhatian. Faktor yang paling utama ialah kerana isu keselamatan di mana Orang Asli dipercayai bekerjasama dengan komunis dan ianya melibatkan masa depan negara (Carey, 1983:105).

Ekoran dari usaha kerajaan untuk melumpuhkan pengaruh komunis di kalangan Orang Asli ini beberapa projek telah dilakukan contohnya Dasar Penempatan Semula semasa darurat (1953) dan membina kem-kem hutan pada 1954. Kedua-dua dasar ini dianggap gagal, cuma yang dapat dipertahankan ialah penubuhan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pada 1953. Pada mulanya peranan JHEOA terlalu kecil dan tiada berkesan serta bersifat sementara. Namun begitu kerajaan telah mengambil keputusan untuk memberikan nafas baru pada jabatan ini dan membesarkannya serta menjadikan ia satu badan bertindak yang berkesan bagi mendapatkan bantuan Orang Asli (Carey, 1983:112). Ini bersesuaian dengan pengistiharan Dasar pentadbiran Orang Asli (1961). Matlamat dasar ini ialah "Mengintegrasikan Orang Asli dengan Masyarakat Kebangsaan" (Osman S. Kassim, 1978:iv).

Dan pada hari ini segala projek-projek dan hal-hal yang berkaitan dengan Orang Asli adalah tertakluk di bawah penguasaan JHEOA. Dalam usaha Jabatan untuk memanjangkan segala kemudahan dan perkhidmatan kerajaan kepada Orang Asli maka telah diwujudkan lapan bahagian yang masing-masingnya mempunyai bidang tanggungjawab yang tertentu (JHEOA, 1980:8-9).


Rajah 5.1: Carta Organisasi JHEOA.



Sumber: JHEOA, Kuala Betis.

Bagi bahagian Kampung Chengkelik pentadbirannya adalah di bawah Pengarah Negeri Kelantan dan terletak di bahagian kawasan RPS Kuala Betis, Gua Musang.



Rajah 5.2: Carta Draganisasi RPS Orang Asli Kuala Betis, Gua Musang.

Sumber: JHEOA, Kuala Betis.


## 5.2: PROJEK-PROJEK KERAJAAN.

Di Kampung Chengkelik ini kerajaan telah melakukan beberapa projek yang mereka jangkakan dapat memberi kemudahan dan perkhidmatan kepada Orang Asli. Ini juga adalah selaras dengan peranan JHEOA bagi mencapai matlamat untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli ke dalam aliran kehidupan masyarakat kebangsaan.

### 5.2.1: PROJEK PERTANIAN.

Dari segi pertanian didapati bahawa JHEOA telah menggalakkan penduduk di sini menanam pisang secara besar-besaran dari berbagai jenis. Jenis yang terbanyak jumlahnya ialah pisang emas kerana dikatakan mempunyai pasaran yang tinggi. Dalam usaha untuk menjayakannya pihak JHEOA telah memberikan bantuan anak-anak benih pisang ini di samping mengajar teknik-teknik menanam. JHEOA juga telah menjanjikan bahawa FAMA akan membantu di dalam soal pemasaran. Tetapi apabila hasilnya di-

PETA 5.1: Plan Pembangunan RPS Kuala Betis.



Sumber: JHEOA Kuala Betis.

dapati, pihak JHEOA telah memungkiri janji dalam mendapatkan bantuan FAMA dengan alasan pisang yang dihasilkan mereka kurang menepati gred yang ditetapkan FAMA dan meminta mereka berusaha sendiri menjual pisang-pisang tersebut. Hal yang sedemikian juga terjadi pada projek sayuran mereka.

Maka berdasarkan kajian, projek pertanian ini telah gagal mencapai matlamatnya kerana tiadanya bantuan agensi kerajaan dalam memasarkan hasil tanaman mereka. Ini telah menimbulkan ketidakpuasan di hati mereka. Keadaan ini jika dibiarkan berlarutan boleh menjejaskan matlamat kerajaan untuk membantu meningkatkan pendapatan Orang Asli. Selain dari itu juga ia mungkin boleh memberi kesan ke atas usaha kerajaan untuk mengintegrasikan Orang Asli ke dalam ekonomi pasaran dan masyarakat moden.

#### 5.2.2: PEMBAHAGIAN DUSUN DAN KEBUN GETAH.

Dari keluasan RPS iaitu 3192.3 hektar, sebanyak 242.9 hektar adalah diperuntukkan untuk dusun buah-buahan. Ianya bermula sejak tahun 1982 dan akan dibahagikan secara berperingkat-peringkat. Dusun-dusun ini dikerjakan oleh Orang Asli dengan mendapat bayaran di bawah Program Penggal empat kali setahun. Namun begitu sistem ini telah bertukar ke bayaran sistem hari. Dusun-dusun ini diletakkan di bawah kawalan FELCRA sehingga ianya mengeluarkan hasil dan boleh diberikan kepada Orang Asli. Bayaran yang diberikan hanyalah berupa saguhati atau hadiah kerana akhirnya dusun yang dikerjakan mereka akan menjadi milik mereka juga. Namun begitu sehingga kajian dilakukan, penduduk kampung ini belum lagi mendapat bahagian mereka.

Selain dari dusun, seluas 680.2 hektar dari RPS ini adalah

terdiri dari kebun getah. Ianya juga terdiri dari projek di bawah FELCRA. Namun begitu tiada seorang penduduk pun dari kampung ini yang terlibat dalam pembahagian kebun getah ini.

Maka dari segi pembahagian tanah dusun ini tiada penilaian yang dapat dilakukan tentang keberkesanannya kerana ianya belum lagi dilakukan. Namun begitu adalah menjadi harapan penduduk di sini agar perlaksanaannya dapat dilakukan dengan segera.

### 5.2.3: BANTUAN PERUMAHAN.

Salah satu projek utama yang dilakukan oleh kerajaan dalam usaha untuk menempatkan Orang Asli di RPS ini ialah dengan memberikan bantuan perumahan yang bercorak ala FELDA. Ianya dinamakan 'Skim Rumah Melati' dan dilakukan secara berperingkat-peringkat dimulai pada 1982 untuk rumah Penghulu. Ini diikuti dengan seratus unit pada 1984 dan jumlah yang sama pada 1985. Kedua-dua peringkat ini berjaya disiapkan tetapi bagi unit untuk 1986 sebanyak empat puluh yang berjaya disudahkan dari seratus. Ianya kemudiannya diteruskan dengan tambahan sebanyak lapan puluh unit dan menjadikan bilangannya tiga ratus dua puluh iaitu melebihi jumlah asalnya yang hanya tiga ratus.

Pelan rumah ini telah dirancang oleh pegawai-pegawai JHEOA dan ianya lebih menyerupai rumah Orang Melayu. Ianya didirikan di atas tanah seluas 0.81 hektar seorang. Rumah ini mempunyai satu ruang tamu, satu bilik tidur, satu ruang dapur dan beranda. Lantai dan dindingnya dari papan manakala atapnya berzink. Sebuah tandas curah juga disediakan bagi setiap rumah. Terdapat tujuh unit rumah Melati yang dikhaskan di Kampung Chengkelik.

Unit 'Rumah Melati' ini diadakan bersesuaian dengan konsep RPS iaitu 'Pembangunan Melalui Keselamatan'. Ini ialah kerana di samping memberi kemudahan kepada Orang Asli ia juga turut menjaga kepentingan keselamatan Orang Asli dari komunis terutamanya dengan merancangnya secara berkelompok.

Walaupun bagaimanapun dari kajian yang dilakukan, bantuan perumahan ini juga kurang memuaskan hati penduduk di sini kerana ketidaksesuaiannya dan kegagalannya memenuhi citarasa dan kehendak mereka. Menurut kebanyakan penduduk di sini tentang rumah mereka,

Rumah ni elok sangat. Jadi kenalah tambah dapur buluh. Kalau tak hitam dinding dan zink. Kami ni guna dapur kayu bukannya dapur gas.

Bagi menyelesaikan masalah ini mereka telah membuat satu ruang tambahan untuk dapur yang mana terdiri dari dinding dan lantai buluh serta beratap zink. Ini adalah untuk mengelakkan dinding dan zink mereka menjadi hitam oleh asap dapur mereka. Tambahan untuk ruang dapur ini boleh dilihat di semua rumah di Kampung Chengkelik.

Oleh sebab itu projek perumahan ini juga didapati kurang berhasil di dalam memberikan kepuasan pada penduduk di sini. Keadaan ini dirasakan akan dapat diatasi sekiranya sebelum rumah itu didirikan, pendapat dan pandangan mereka diminta dalam menentukan bentuk yang sesuai dengan kehendak mereka. Ini ialah kerana projek ini bertujuan untuk kegunaan dan kemudahan mereka bagi jangkamasa yang panjang.

#### 5.2.4: PERHUBUNGAN.

Dari segi perhubungan, jalan air dan jalan darat memainkan peranan yang utama. Jalan air melalui sungai merupakan keadaan yang semulajadi.

Bagi jalan darat ianya adalah melalui denai yakni lorong-lorong kecil dan jalan balak yang terdiri dari jalan tanah merah. Jalan-jalan inilah yang menghubungkan Kampung Chengkelik dengan kampung yang berhampiran.

Jalan balak atau jalan tanah merah ini pada dasarnya disediakan oleh kerajaan untuk kepentingan perusahaan pembalakan dari kawasan hutan di Ulu Kelantan. Ianya digunakan untuk mengangkut keluar kayu balak bagi dipasarkan. Namun begitu menurut penduduk kampung ini keadaan jalan balak ini telahpun dibaiki berbanding dengan tahun-tahun yang lepas. Sekarang setelah diletakkan batu-batu ianya sudah boleh digunakan pada musim hujan. Namun begitu keadaannya amatlah berdebu di cuaca panas.

Selain dari sebab pembalakan, jalan balak yang digunakan sekarang ini juga telah dirancang untuk dibina/ sebagai sebuah lebuh raya sehingga ke Sungai Siput di Perak. Malah dengan keadaannya sekarang ia boleh dilalui sehingga ke Cameron Highland (Endicott, 1979:191). Keadaan ini akan menyebabkan kehidupan penduduk di sini akan lebih terbuka dan terdedah kepada dunia luar disebabkan oleh kemudahan pengangkutan di masa depan. Ini akan menyebabkan mereka akan dapat bergerak ke kawasan yang lebih luas dan bergaul dengan masyarakat di luar kawasan mereka untuk tujuan sosial, politik dan ekonomi.

#### 5.2.5: PELAJARAN.

Pelajaran merupakan salah satu isu utama yang diperjuangkan oleh kerajaan untuk Orang Asli. Ini ialah kerana pendidikan merupakan institusi sosial yang dapat meninggikan taraf hidup Orang Asli dan ianya masih lagi asing di kalangan masyarakat tersebut (JHEOA, 1972:6). Ia juga merupakan usaha yang bercorak "gerak saraf" bagi menawan hati dan fikiran Orang Asli terhadap kerajaan dan menyatukan mereka dengan masyarakat luar.

Bagi tujuan pelajaran penduduk kampung ini telah menghantar anak mereka ke Sekolah Kebangsaan Kuala Betis. Terdapat seorang pelajar sahaja dari kampung ini yang belajar di sekolah itu. Ia adalah dikhaskan kepada anak-anak Orang Asli yang berada di RPS ini serta untuk masyarakat Melayu sekitarnya. Jarak sekolah ini dari kampung ialah 4.8 km dan ianya terletak di kawasan pusat RPS. Sekolah ini juga menyediakan sebuah asrama, sebuah padang permainan, kantin sekolah yang menyediakan makanan tiga kali sehari serta alat-alat untuk belajar seperti buku, pensil dan lain-lain kemudahan. Terdapat 263 pelajar dan 15 guru yang keseluruhannya terdiri dari bangsa Melayu.

Jadual 5.1: Bilangan daftar murid-murid Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis (1988).

Darjah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	25	3	28
2	36	22	58
3	46	23	69
4	25	14	39
5	36	10	46
6	15	8	23
<b>JUMLAH</b>	<b>183</b>	<b>80</b>	<b>263</b>

Sumber: JHEOA, Kuala Betis.

Pada mulanya sekolah ini adalah di bawah pengendalian JHEOA tetapi pada 1985 ianya telah diserahkan kepada pengawasan Jabatan Pelajaran dan bukan lagi di bawah pengarahan JHEOA. Namun begitu segala yang berkaitan dengan asrama dan soal kemudahan pelajaran masih di bawah pengurusan JHEOA.

Jadual 5.2: Jumlah pelajar yang tinggal di asrama.

Darjah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	17	30	47
2	22	12	34
3	26	12	38
4	20	8	28
5	21	-	21
6	11	4	15
JUMLAH	117	66	183

Sumber: JHEOA, Kuala Betis.

Sekolah ini hanya diuntukkan di peringkat sekolah rendah sahaja. Di peringkat sekolah menengah mereka akan dihantar samada ke sekolah menengah di Kuala Krai atau di Gua Musang mengikut pilihan mereka sendiri. Mereka juga akan disediakan asrama di sana serta lain-lain kemudahan oleh JHEOA. Bagi 1985 Jabatan ini telah membelanjakan sebanyak \$26.5 juta untuk pelajaran.

Walaupun bagaimanapun dikatakan bahawa dasar pelajaran yang cuba diterapkan oleh pihak kerajaan untuk Orang Asli itu tidaklah begitu berjaya mencapai matlamatnya dalam mengintegrasikan masyarakat. Ini ialah kerana sebahagian dari ibu bapa tidak ingin untuk berpisah dengan anak mereka yang terpaksa tinggal di asrama untuk menjimatkan masa dan tenaga, terutamanya bagi pelajar darjah satu sepertimana dikatakan Tan Chee Bang (1973;107),

Greatest problem facing the Orang Asli education is that the boys including those who want to attend standart one, have to leave their village and stay in the Asrama Orang Asli..

Kes ini juga boleh didapati di kampung ini di mana salah seorang pelajar yang telah berhenti sekolah kerana tidak dibenarkan tinggal di asrama oleh keluarganya kerana sering sakit. Ini ditambah pula dengan masalah



sampam untuk menghantarnya telah rosak. Sekiranya berjalan kaki ia akan mengambil masa sehingga sejam kerana ketiadaan pengangkutan lain. Maka jalan penyelesaian yang diambil oleh keluarga pelajar itu ialah dengan memberhentikan ia buat sementara waktu.

Selain dari itu sikap segolongan penjaga yang tidak mengambil berat tentang hal persekolahan anak mereka juga menyebabkan kedatangan pelajar ke sekolah kurang memuaskan. Ini diakui oleh guru-guru di sini di mana selalunya apabila dibenarkan pulang ke rumah di hujung minggu, pelajar ini akan tinggal lebih lama dari yang dibenarkan. Mereka akan datang ke sekolah apabila ia suka. Semasa di sini dua orang pelajar dari kampung yang berhampiran telah ponteng dari sekolah semata-mata untuk membantu membuat kerja rumah seperti menumbuk padi dan juga menjemur rotan.

Walaubagaimanapun didapati telah ramai yang mulai sedar akan pentingnya pelajaran. Misalnya seorang budak dari kampung ini yang terpaksa pulang semula ke sekolah setelah dipaksa oleh keluarganya. Ia telah lama meninggalkan sekolah setelah dibawa pulang kerana demam. Setelah dua bulan berehat keluarganya telah menghantarnya semula ke asrama.

Dari segi hubungan antara murid-murid dan guru-guru ianya bolehlah dikatakan agak memuaskan. Namun begitu dari apa yang diketahui dari penduduk di sini pada masa dahulu terdapat kejadian di mana murid-murid telah didera oleh guru sehingga cedera. Tetapi perkara ini telah diselesaikan dan pada masa sekarang hubungan yang terjalin adalah lebih baik. Walaubagaimanapun perasaan curiga dan sangsi itu masih bertapak di hati mereka.

Adalah menjadi matlamat kerajaan bahawa dasar pelajaran ini bertujuan untuk menyedarkan masyarakat Orang Asli ini tentang pentingnya

pelajaran untuk menukar corak hidup mereka ke arah yang lebih maju dan mewujudkan kerjasama antara rakyat. Walaubagaimanapun untuk mengintegrasikan mereka menerusi pelajaran hubungan yang lebih erat hendaklah dijalinkan antara pelajar, guru, penjaga dan kerajaan. Ini ialah kerana penduduk-penduduk di sini tidak pernah dipanggil oleh pihak sekolah untuk membincangkan soal pelajaran anak-anak mereka. Namun begitu apa yang agak membanggakan guru-guru di sini ialah sebilangan pelajar yang begitu berminat dalam pelajaran terutamanya bagi matapelajaran Muzik dan Lukisan. Keadaan ini jika berterusan akan dapat menjamin tercapainya matlamat kerajaan menerusi pelajaran sekiranya minat pelajar ini terus dipupuk.

*Journal of the Malaysian Association of Health Services (Cajang, 1974:306).*

#### 5.2.6: KESIHATAN.

Menurut JHEOA (1961:3) kemudahan perubatan yang mencukupi harus disediakan untuk membolehkan Orang Asli mendapat faedah dari cara perubatan moden. Kemudahan-kemudahan istimewa juga perlu diadakan bagi melatih Orang Asli sendiri menjadi pekerja-pekerja kesihatan dan kakitangan perubatan. JHEOA harus bertanggungjawab menyediakan satu perkhidmatan yang meluas meliputi setiap pelusuk perkampungan Orang Asli. Seperti juga sekolah, klinik untuk rawatan Orang Asli disediakan di RPS pusat Kuala Betis. Ia dikendalikan oleh seorang pembantu hospital, seorang bidan, seorang pembantu makmal dan tiga orang pegawai pencegah malaria (Sulong Mohamad, 1985:18). Pada hari-hari biasa masyarakat Temier di sini boleh mendapatkan rawatan dari pegawai perubatan yang bertugas di klinik tetapi untuk sekali dalam sebulan iaitu pada setiap Khamis mereka akan diperiksa oleh Doktor yang datang dari Gua Musang.

Kadang-kala rombongan perubatan dari Hospital Orang Asli di Gombak juga akan datang tetapi jadualnya adalah tidak tetap. Namun begitu sekiranya terdapat sebarang wabak atau penyakit di sini pegawai perubatannya akan datang untuk menyasat. Pada masa kajian ini dilakukan terdapat sekumpulan pegawai dari Gombak yang datang ke RPS ini untuk mengambil sampel darah apabila ramai yang disyaki mendapat malaria.

Kebiasaannya untuk penyakit yang memerlukan rawatan yang lebih serius mereka akan dihantar ke hospital Kota Bharu atau ke Ipoh. Namun begitu selalunya mereka akan diterbangkan ke hospital di Batu 12, Gombak yang sememangnya dikhaskan pada Orang Asli. Pengangkutannya disediakan sebuah helikopter dengan kerjasama TUOM selain dari perkhidmatan "Flying Doctor Service" (Carey, 1976:300).

Walaupun kemudahan kesihatan disediakan di sini tetapi masih terdapat lagi rungutan di kalangan penduduk di sini di atas kedatangan doktor-doktor dari Gua Musang yang telah dikurangkan dari empat kali sebulan pada 1987 ke sekali sebulan di tahun 1988. Selain dari perkhidmatan yang semakin berkurangan masalah pengangkutan juga merupakan satu lagi perkara yang dihadapi oleh penduduk di sini. Ini ialah kerana mereka tidak disediakan kenderaan di masa pergi mendapatkan rawatan dan terpaksa berjalan sejauh 4.8 km. Ini agak menyusahkan terutamanya bagi golongan tua dan kanak-kanak. Keadaan ini sama seperti dialami oleh masyarakat di Ulu Grik yang dikaji Tan Chee Beng (1973:110).

Apabila ditanya mengapa mereka tidak merundingkan perkara ini dengan JHEOA mereka menyatakan bahawa hal ini sudahpun dimaklumkan tetapi alasan yang diberikan ialah tiada kenderaan. Ini pada pendapat mereka berpunca dari sikap "endah tak endah" dari pekerja dan pegawai yang terlibat. Pada pendapat mereka perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan terutamanya

pada masa kolonial adalah lebih baik. Ini mungkin kerana polisi kerajaan untuk menjaga Orang Asli agar tidak jatuh ke tangan musuh.

Sungguhpun terdapat ketidakpuasan mereka di dalam perkhidmatan kesihatan ini namun menurut penduduk kampung ini mereka lebih suka mendapatkan rawatan dari doktor daripada halak atau bomoh. Ini ialah kerana terdapat penyakit yang mengambil masa yang lama untuk sembuh dan lebih berkesan dengan perubatan moden. Selain dari itu kebanyakan dari penduduk kampung ini telah biasa terdedah dengan perubatan moden terutamanya mereka yang bekerja sebagai askar Senoi Peraq. Oleh itu mereka lebih yakin akan kebolehan doktor dan perubatan baru.

Hubungan penduduk di sini menerusi kesihatan ialah dengan Orang Melayu dan Cina yang menjadi doktor serta pegawai perubatan dari Gua Musang. Selain dari itu hubungan yang rapat juga terjalin dengan pegawai Temiar yang menjadi pembantu hospital. Selain dari doktor kerajaan penduduk kampung ini juga sering mendapatkan rawatan dari doktor swasta iaitu seorang berbangsa Melayu manakala seorang lagi berbangsa India.

Hubungan mereka dengan doktor ini adalah baik malah Doktor Raju telah meminta jasa baik Pak Chu untuk mencarikan seorang Temiar yang pernah bersekolah untuk bekerja di kliniknya. Walaupun motifnya ialah untuk menarik pelanggan namun apa yang lebih penting ialah kesediaan doktor itu berusaha untuk mewujudkan hubungan yang rapat antara Orang Temiar dan masyarakat lain dan keadaan ini boleh membawa kepada integrasi kebangsaan yang menjadi matlamat kerajaan.

### 5.3: HAK KE ATAS TANAH.

Penduduk di sini telah diberikan 0.81 hektar tanah bagi didirikan

rumah. Selain dari itu mengikut perancangan mereka juga akan mendapat tanah dusun walaupun ianya belum lagi dilaksanakan.

Namun begitu dalam hal pemilikan tanah mereka bukanlah merupakan pemilik tanah yang mereka duduki. Sebaliknya ia merupakan tanah milik bersama oleh kerajaan (Benjamin 1966; Dentan 1976). Ini bermakna pihak yang berkuasa tidak mengiktiraf tanah tersebut sebagai hak milik mereka. Kedudukan mereka adalah seperti setinggian dan hanya sifat perikemanusiaan sahaja yang menyebabkan mereka terus dapat tinggal di situ (Carey, 1976:142; Mc Lellan, 1983:88; Hooker, 1976: 180).

Keadaan ini menyebabkan Orang Temiar percaya bahawa tanah bukanlah sesuatu yang dapat dimiliki kecuali hasil yang ditanam di tanah tersebut sahaja yang menjadi hak mereka (Endicott, 1979:175). Begitu juga untuk menerangkan sempadan tanah mereka jika pada dulunya mereka menggunakan lembah sungai (Cole 1959:193) tetapi ianya telah berubah sekarang (Benjamin 1966:18-21, 1968: 26-27).

Menurut Akta Orang Asli 134, Orang Asli tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas tanah. Mereka hanya dibenarkan tinggal di kawasan simpanan tanah Orang Asli. Namun begitu ianya adalah di bawah kuasa Menteri. Walaupun dirizabkan ini tidak bermakna Orang Asli akan terlindung haknya kerana di dalam Akta yang sama terdapat kenyataan bahawa kerajaan boleh menarik balik rizabnya. Ini agak bertentangan dengan Laporan Dasar Kerajaan berkenaan dengan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia (JHEOA, 1961) yang menulis,

Aborigines will not be removed from their traditional areas without their full consent.

Ini membuktikan bahawa Akta ini adalah terhad kerana dalam Akta yang sama ada menetapkan bahawa,

pihak berkuasa Negeri boleh dengan perintah mengkehendaki mana-mana masyarakat Orang Asli meninggalkan dan berada di luar mana-mana kawasan tersebut dan boleh dalam perintah itu membuat apa-apa peruntukan berbangkit yang perlu, termasuklah pembayaran pampasan.

Maka, Akta Orang Asli 134 ini terutamanya tentang pemilikan tanah menyebabkan Orang Asli merasa serba salah dan juga menyebabkan mereka sering ditindas kerana tidak ada pembelaan tentang tanah yang mereka miliki dan kerjakan. Ini ialah kerana tanpa hak yang mutlak mereka akan dianggap sebagai peneroka haram. Ini juga turut dialami oleh Batin Sukim dari bangsa Temuan di Parit Gong di mana beliau mengakui bahawa,

Memang orang anggap kami meneroka tanah haram. Tetapi pada kami tanah itu hanya haram diduduki jika ianya sudah bertuan. Mana-mana yang tidak bertuan boleh diduduki.

(Dewan Masyarakat, Feb 1985: )

Disebabkan pemilikan tanah merupakan satu isu yang amat penting maka perlulah diberi perhatian yang utama oleh kerajaan untuk memastikan agar kedudukan Orang Asli akan lebih terjamin supaya matlamat untuk membela dan membantu mereka akan tercapai. Ini ialah kerana sekiranya berdasarkan Akta 134 mereka tidak mempunyai sebarang hak ke atas tanah yang diduduki mereka. Oleh sebab itu untuk menjadikan mereka sebagai sebahagian dari masyarakat negara ini maka wajarnya taraf dan hak sebagai rakyat negeri ini turut dinikmati oleh mereka sebagaimana rakyat lain negara ini.

#### 5.4: SIKAP ORANG ASLI TERHADAP KERAJAAN.

Orang Asli dikatakan sebagai masyarakat yang bersifat tertutup, terasing, kuno dan miskin (Uda Hassan Itam, 1986:2, Carey 1976). Ekoran

dari itu kerajaan telah melakukan beberapa dasar yang dijangkakan dapat membantu mereka ke arah mencapai matlamat mengintegrasikan Orang Asli dengan masyarakat kebangsaan serta mengatasi masalah kemiskinan. Projek-projek kerajaan ini juga diharap akan dapat menolong mereka mengubah sikap mereka ke arah yang lebih positif dan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Namun begitu dari kajian yang dilakukan di kampung ini didapati bahawa sikap Orang Asli terhadap kerajaan adalah bergantung kepada sikap kerajaan itu sendiri terutamanya menerusi projek-projek yang diusahakan oleh JHEOA kepada masyarakat kampung ini. Tetapi segala kemudahan yang dilakukan oleh agensi ini kepada Orang Asli di kampung ini tiada satu pun yang berjaya mencapai matlamatnya. Kegagalan pihak ini membantu meninggikan pendapatan Orang Asli ini serta ketidakupayaan pegawai-pegawainya menepati janji di dalam soal pemasaran amat mengecewakan penduduk di sini. Kesalahan ini tidak sahaja berpunca dari Orang Asli kerana mereka telah berusaha menjayakan projek yang disyorkan tetapi sikap pegawai yang terlibat hanya membiarkan tanpa sebarang perhatian amatlah mereka kesali. Ini menyebabkan mereka berasa seolah ditipu dan tidak lagi mempercayai JHEOA yang disifatkan sebagai kerajaan kerana merasakan kegagalan projek tersebut hanya akan dipersalahkan pada pihak mereka semata-mata di samping kerugian yang ditanggung mereka. Ini juga menyebabkan mereka serik untuk terus mengambil bahagian dalam rancangan kerajaan untuk menjaga kepentingan mereka sendiri. Menurut salah seorang penduduk di sini,

Orang Asli hari ini bukan hanya perlu diberi sesuatu dan disuruh melakukannya sahaja. Kami memerlukan penyertaan dan tunjuk ajar yang sepenuhnya dari pihak yang terlibat. Ini ialah agar segala matlamat yang hendak dicapai akan berjaya kerana sama-sama akan tahu masalahnya dan bukan hanya pihak Orang Asli dipersalahkan kemudiannya.

Walaupun demikian mereka juga mempunyai sifat turut bekerjasama dengan kerajaan contohnya dengan pelaksanaan RPS ini, masyarakat yang berasal dari tempat yang berlainan telah bersetuju untuk menetap di kampung baru ini meskipun keadaannya kurang memuaskan kerana ketiadaan kemudahan asas yang sepenuhnya. Mereka malah menganggap bahawa di sinilah tempat tinggal mereka sehingga hari tua kerana sudah tidak mempunyai tempat yang akan dituju lagi. Ini juga ialah kerana mereka percaya bahawa matlamat utama kerajaan ialah membantu Orang Asli. Ianya dilakukan dengan membentuk satu kawasan yang didiami oleh sukubangsa mereka sendiri dan JHEOA sebagai agensi kerajaan akan cuba meninggikan taraf hidup mereka serta kemajuan masyarakat ini,

These shared ambitions give the Orang Asli a basic unity, and this feeling of unity, of problems shared, has been greatly increased in recent years by the establishment of a special Government department for them (Carey, 1976:6).

Oleh itu sikap Orang Asli pada kerajaan adalah dipengaruhi oleh kejayaan atau kegagalan JHEOA sendiri dalam projek-projek yang dilakukan untuk mereka. Sekiranya projek itu berjaya maka sikap mereka akan berbentuk positif dan sedia bekerjasama tetapi sebaliknya jika ianya lebih ke arah negatif ini ialah disebabkan kegagalan kerajaan dalam mencapai matlamat projek yang dilakukan. Inilah yang menyebabkan rungutan dan ketidakpuasan sepertimana yang diluahkan oleh salah seorang penduduk di sini iaitu,

Kononnya Jabatan Orang Asli tapi hal Orang Asli tak ambil tahu. Guna saja nama Orang Asli. Kalau macam ni lebih baik tukar nama.



### 5.5: PILIHANRAYA DAN WAKIL RAKYAT.

Penduduk-penduduk Kampung Chengkelik ini terlibat secara langsung dalam Pilihanraya yang diadakan. Ini ialah kerana setiap kali Pilihanraya diadakan penduduk kampung ini akan keluar untuk mengundi di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis iaitu 4.8 km dari kampung ini. Sebelum daripada itu pihak JHEOA akan memberi penerangan kepada mereka supaya keluar mengundi dan bagaimana ianya diadakan. Selain dari itu bahan-bahan makanan dalam tin atau biskut juga diberikan kepada mereka oleh kerajaan dengan tujuan untuk mengambil hati. Ini secara tidak langsung menunjukkan pihak JHEOA cuba mempengaruhi pemilihan yang akan dilakukan semasa Pilihanraya.

Pada hari pembuangan undi biasanya semua penduduk kampung ini akan keluar mengundi. Ini ialah kerana terdapat kemudahan pengangkutan yang disediakan. Menurut penduduk kampung ini mereka selalunya akan disuruh memilih calon dari pihak kerajaan iaitu Barisan Nasional. Bagi yang buta huruf mereka akan mengundi berdasarkan gambar yang telah ditunjukkan kepada mereka sebelumnya.

Namun begitu kesedaran penduduk di sini tentang politik amatlah membanggakan. Ini mungkin kerana tiga dari penduduk di sini adalah bekas anggota Senoi Perak yang menyebabkan mereka dapat mempengaruhi penduduk di sini agar lebih peka kepada politik. Ini ialah kerana menurut salah seorang dari mereka bila ditanya tentang kepentingan politik ialah,

Politik itu penting kerana hanya dengan adanya penglibatan dalam politik baru dapat pembangunan. Kalau tak masuk politik kita akan ketinggalan dan terus mundur.

Ini menunjukkan bahawa masyarakat kampung ini sedar bahawa hanya dengan melibatkan diri mereka dalam politik barulah nasib mereka akan

berubah. Keadaan ini terbukti di mana keseluruhan penduduk kampung ini merupakan ahli UMNO bagi bahagian Kuala Betis dan cawangan Gua Musang. Tambahan pula salah seorang penduduk di sini merupakan bekas Ketua Gerakan Pemuda UMNO sebelum diganti oleh anak saudaranya. Maka mereka sering mengadakan mesyuarat UMNO di balai raya kampung ini. Dengan adanya perjumpaan seperti ini maka interaksi akan wujud di antara penduduk kampung ini dengan masyarakat Melayu sekitar kerana sering berbincang di sebabkan berada di bawah satu parti politik yang sama.

Walaupun penglibatan mereka dalam politik boleh dikatakan penting dalam memastikan kejayaan seseorang calon namun pembelaan ke atas mereka tidaklah begitu berkesan. Ini ialah kerana segala janji yang dilafazkan untuk kepentingan dan kebajikan Orang Asli tidak dihiraukan setelah kemenangan dicapai. Keadaan yang sama telah mereka jalani sejak dari dulu lagi terutamanya bagi permintaan untuk kemudahan asas seperti air, elektrik dan jalan raya meskipun untuk air paip dan api elektrik ia boleh didapati di pusat RPS yang hanya berjarak 4.8 km dari kampung ini. Mereka juga sedar bahawa ini semua hanyalah janji-janji yang entah bila akan dipenuhi. Wakil rakyat yang dipilih mereka juga tidak pernah datang melawat ke kampung ini dan mereka hanya akan berjumpa sekiranya menghadiri mesyuarat di Gua Musang. Namun begitu mereka amat menyanjung dan menghargai Ahli Parlimen Gua Musang iaitu Tengku Radzaleigh Hamzah yang pada pendapat mereka begitu mengambil berat tentang kebajikan Orang Asli. Di balai raya ini juga terdapat gambar beliau di samping gambar Yang Di Pertuan Agong, Permaisuri Agong dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Orang Asli merupakan kumpulan minoriti. Ia tidak mendapat perwakilan politik kerana keadaan struktur politik di Malaysia. Maka mereka tidak mempunyai wakil di Dewan Rakyat. Tetapi untuk Dewan Negara Yang Di Pertuan Agong berkuasa melantik seorang wakil dan ianya tidak

semestinya dari kalangan Orang Asli. Ini menunjukkan Orang Asli langsung tidak mengambil bahagian di dalam memilih wakil mereka. Maka adakalanya wakil itu kurang mengambil berat tentang kebajikan Orang Asli kerana bimbangkan kedudukannya sepertimana dikatakan Carey (1983;105-6),

...ini bererti mereka tidak mempunyai perlindungan politik. Mereka tidak dipedulikan oleh Yang Berhormat kerana bilangan undi mereka terlalu kecil, lagipun Yang Berhormat cuma mementingkan isu mengekalkan kedudukan mewah di kerusi empuk Parlimen!

Jika kerajaan ingin agar Orang Asli lebih terlibat dengan masyarakat luar dari segi politik maka sewajarnya wakil itu dibenarkan dipilih dari kalangan mereka. Dan sekiranya ia sukar dilakukan sekurang-kurangnya penglibatan mereka di dalam pemilihan itu hendaklah dikira agar wakil yang terpilih nanti benar-benar memahami tentang masalah Orang Asli dan lebih rapat dengan golongan ini. Keadaan ini akan menyebabkan kehidupan masyarakat ini akan lebih diperjuangkan oleh wakil yang benar-benar layak di samping mendapat kepercayaan dari Orang Asli agar mereka akan lebih terjamin di masa depan.

#### 5.6: KESIMPULAN.

Dari segi perhubungan politik, kerajaan telah memainkan peranan yang penting di dalam proses mengintegrasikan Orang Asli dengan masyarakat luar. Tugas-tugas ini banyak dilakukan oleh JHEOA yang bertindak sebagai agen perantaraan kerana ianya bertindak sebagai badan yang mengawasi segala kebajikan Orang Asli. Oleh sebab itu dari segi pentadbirannya JHEOA haruslah menitikberatkan peranannya dalam usaha mendedahkan Orang Asli ke dalam masyarakat kebangsaan agar matlamat kerajaan menerusi dasar-dasar yang dilakukannya akan berjaya.

Walaupun bagaimanapun dari segi perhubungan politik, Orang Temiar dipercayai telah berhubung dengan masyarakat luar terutamanya dengan Orang Melayu sejak dari dahulu lagi melalui 'Sistem Mikong'. Ini diakui oleh Noone (1936:23, 47), Benjamin (1968:9) dan Roseman (1982:21). Hubungan antara kedua golongan ini diiktiraf oleh Orang Temiar. Menurut Noone,

The Datuk Mikong at Kuala Betis is much loved by the Temiar and from their point of view, he is their intermediary and ally. (1936:23).

Tambahnya lagi,

While the Malays of Kuala Betis were probably in awe of the Mikong than (were) the care-free hill folk, and the Mikong has greatly respected by the hill people. (1936:53-5).

Dan perhubungan yang wujud antara masyarakat Temiar dan pembesar Melayu pada masa itu lebih kepada soal keselamatan. Ini ialah kerana dalam 'Sistem Mikong', pembesar-pembesar Melayu akan bertindak sebagai orang perantaraan di antara Orang Temiar dan masyarakat luar. Selain dari itu mereka juga menjadi pelindung masyarakat Temiar dari diganggu oleh masyarakat Melayu terutamanya. Pimpinannya lebih bercorak 'patron-client'.

Sungguhpun kesedaran politik penduduk kampung ini serta penglibatan mereka di dalam dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan itu berada di tahap yang memuaskan tetapi mereka masih lagi/mendapat pembelaan yang <sup>belum</sup> sewajarnya. Ini ialah kerana rayuan mereka adakalanya tidak mendapat perhatian.

Kesimpulannya agar Orang Asli merasakan diri mereka lebih terjamin dan tidak sebagai rakyat kelas kedua atau rendah statusnya maka seharusnya Akta Orang Asli 134 itu dikaji semula. Ini ialah supaya lebih

banyak keadilan dapat diberikan kepada Orang Asli untuk menentukan kedudukan mereka sendiri sebagaimana rakyat lain dan tidak ditentukan oleh kuasa Menteri semata-mata.

Kajian semula Akta ini juga perlu supaya tidak wujud ketidakpuasan hati di kalangan Orang Asli terhadap kerajaan yang terlalu melindungi mereka. Keadaan ini boleh menyebabkan Orang Asli menjadi lebih tersepit seperti isu pemilikan tanah dan soal pemilihan wakil mereka. Oleh itu kerajaan sebagai agen paling penting dari segi politik yang melibatkan hubungan antara masyarakat Temiar dan masyarakat luar perlulah mengambil inisiatif agar matlamat utama kerajaan bagi menghapuskan imej Orang Asli sebagai masyarakat yang terasing dan tertutup itu berjaya dihapuskan. Ini ialah kerana dari kajian di Kampung Chengkelik didapati bahawa imej tersebut adalah salah kerana penduduknya mempunyai hubungan yang erat dan terbuka dengan masyarakat luar terutamanya kerajaan di atas kesedaran mereka sendiri.

...

...

## BAB 6: PERHUBUNGAN SOSIAL

### 6.1: PENGENALAN.

Perhubungan sosial di antara masyarakat Orang Asli Temiar dan masyarakat kebangsaan amatlah penting. Ini adalah kerana dengan adanya perhubungan di antara ke dua-dua pihak tersebut ianya akan dapat menghapuskan imej Orang Asli termasuk Temiar sebagai masyarakat yang terpencil dan terasing. Oleh sebab itu demi untuk mengwujudkan integrasi antara mereka dan masyarakat luar serta menjadikan mereka sebahagian dari masyarakat kebangsaan, beberapa dasar dan kemudahan telah disediakan oleh kerajaan agar kehidupan yang lebih baik dapat mereka kecapai.

Perhubungan sosial di antara Orang Temiar dengan masyarakat luar dikatakan telah berlaku sejak dari zaman dahulu lagi dan boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu zaman sebelum kolonial, zaman kolonial dan zaman selepas kolonial (kemerdekaan). Di zaman sebelum kolonial tidak banyak rekod yang ditulis tentang hubungan antara Orang Asli dan masyarakat luar. Zaman ini dianggap sebagai kegemilangan bagi Orang Asli kerana mereka dapat hidup dengan aman dan bebas. Namun begitu ianya mungkin tidak begitu tepat kerana wujudnya amalan perhambaan ke atas Orang Asli.

Zaman kolonial telah memulakan perhubungan antara Orang Asli dan masyarakat luar iaitu ketika para antropologis terutamanya yang berkulit putih khasnya Orang British telah tertarik untuk mengkaji kehidupan mereka. Sungguhpun demikian mereka hanya dianggap sebagai barangan atau 'museum-piece' dan perlu dibiarkan untuk dikekalkan keasliannya. Kebajikan Orang Asli hanya diambil perhatian setelah berlakunya Darurat.

Di zaman kemerdekaan hubungan Orang Asli dan masyarakat luar men-

jadi lebih erat setelah JHEOA ditubuhkan secara resmi pada 1961. Ini membawa kepada pertama kalinya Orang Asli ke peringkat politik yang lebih luas iaitu dengan cuba menjadikan mereka sebahagian dari rakyat Malaysia. Jika dilihat dari segi sejarah, hubungan sosial di antara masyarakat Temiar dan masyarakat luar pada hari ini adalah disebabkan oleh kesinambungan keadaan yang dialami oleh mereka pada zaman dahulu. Ianya telah menjadi asas yang kukuh untuk mencorakkan intergrasi sosial yang wujud pada masa sekarang.

## 6.2: SEJARAH HUBUNGAN SOSIAL.

Sejarah hubungan antara masyarakat Orang Asli dan masyarakat luar dikatakan wujud sejak dari zaman dahulu lagi berpunca dari amalan perhambaan. Terdapat dua jenis perhambaan iaitu hamba berhutang dan hamba abdi. Tetapi orang Asli terlibat di dalam perhambaan abdi. Menurut Endicott (1983:217),

... the slaves (abdi) were persons who were owned as chattels and had no rights or legal protections. In the Perak code of Laws Relating to Slavery it was stated that "the loan of a slave from his master is like the borrowing of a stick or anything else".

Ini juga menjadi salah satu sebab mengapa pada masa dahulu Orang Asli dipanggil sebagai 'Sakai' yang bermakna hamba sebelum istilah Orang Asli digunakan oleh kerajaan bagi menggantikannya. Orang Melayu dikatakan terlibat di dalam penangkapan hamba abdi di masa perang atau mendapatkannya secara paksa (Noone 1936:55). Menurut agama Islam, orang-orang yang beragama tidak boleh dijadikan hamba. Oleh sebab itu Orang Asli yang dianggap sebagai barang semulajadi dan bahan hutan yang bernilai telah ditangkap dan dijadikan mangsa (Endicott 1983:222). Ianya berlaku pada

semua peringkat umur masyarakat Orang Asli.

Namun begitu dikatakan bahawa masyarakat Temiar tidak dapat dijadikan hamba oleh Orang Melayu secara meluas seperti masyarakat Semang dan Semai. Ini ialah kerana Orang Temiar dikatakan tinggal di kawasan yang paling pedalaman. Mereka juga dikatakan pahlawan yang berani serta sentiasa menentang perhambaan (Noone 1936:6,53,55; Benjamin 1966:8, 1968:12). Walaubagaimanapun mereka dikatakan terlibat di dalam perhambaan dengan cara yang berlainan kerana terdapat bukti-bukti bahawa mereka bertindak menangkap Orang Asli dari sukubangsa yang lain atau Orang Temiar dari kawasan luar untuk dijual pada Orang Melayu bagi menyelamatkan nyawa dan keselamatan kaum wanita mereka (Endicott 1983:221,223; Noone 1936:54-5, Benjamin 1966:8). Namun begitu adakalanya menurut Noone (1936:55) pergaduhan telah berlaku di antara Orang Temiar dan Orang Melayu.

Jumlah Orang Temiar yang menjadi hamba juga tidak banyak berbanding dengan sukubangsa lain kerana wujudnya 'Sistem Mikong' yang bersifat 'patron-client' di antara Orang Melayu dan masyarakat ini. Ini menyebabkan mereka terlindung dari ditangkap. Amalan perhambaan ini telah dihapuskan pada masa kolonial iaitu pada 1915. Namun begitu ianya telah banyak memberi kesan negatif kepada interaksi yang wujud pada hari ini antara masyarakat Temiar ini dengan kaum Melayu terutamanya.

Akibat dari hubungan sejarah awal ini bukan sahaja membawa perhubungan yang tidak baik antara Orang Asli termasuk Temiar dengan Orang Melayu malah perasangka ini juga telah menular kepada kaum Cina dan India (Endicott 1983:237).

Namun begitu hasil dari kajian yang telah dilakukan di Kampung Chengkelik ini didapati bahawa sejarah buruk ini seolah-olah tidak memberi kesan yang mendalam terhadap jiwa mereka. Ini ialah kerana



kehadiran saya telah diterima mereka dengan baik. Malahan salah seorang penduduk kampung ini sering membahasakan Orang Melayu sebagai "orang kita". Perkara ini dikesan ketika beliau menceritakan bagaimana seorang pemandu taksi Melayu telah menolongnya dari ditipu oleh seorang pemandu Cina. Ketika ditanya apakah bangsa pemandu yang telah menolongnya dia menjawab,

Nasib baik ada orang kita, Melayu, kalau tak mesti kena bayar lebih.

Keadaan di atas menunjukkan bahawa ia merasakan dirinya adalah sebahagian dari masyarakat Melayu. Ini mungkin disebabkan beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan kaum Melayu kerana suaminya mempunyai pertalian saudara dengan Orang Melayu. Oleh sebab itu perasangkaannya terhadap Orang Melayu telah menurun. Menurutnya beliau mempunyai ramai kawan dari bangsa Melayu, Cina dan lain-lain bangsa kerana pernah tinggal di Ipoh mengikuti suaminya seorang Senoi Peraq dan kawan-kawannya telah menerimanya dengan baik. Ia juga merasa tidak janggal bersama mereka.

Walau pun begitu mereka akan mengenalkan saya sebagai "Gob" apabila berjumpa dengan penduduk Temiar dari kampung yang lain. Mereka memanggil Orang Cina sebagai "Cina" dan Orang India sebagai "Keling". Sungguhpun pada masa dahulu telah berlaku pandangan yang buruk dalam hubungan yang wujud antara masyarakat ini dengan orang luar namun apabila ditanya akan tanggapan mereka terhadap bangsa lain mereka menjawab bahawa,

Semua bangsa ada yang baik dan yang jahat. Kalau orang tu jahat dan busuk hati tentu orang tak suka. Kalau dia nak buat kacau siapa yang nak percaya. Apa bangsa pun sama saja.

Ini bermakna mereka tetap menerima bangsa lain yang ingin berbaik dengan mereka malah mereka tidak ingin lagi mengingati peristiwa yang buruk itu. Bahkan seorang dari mereka telah berkata "buat apa ingat yang lepas yang penting masa sekarang ni".

### 6.3: PERKAHWINAN.

Salah satu cara untuk mengintegrasikan masyarakat ialah melalui perkahwinan campur. Ianya telah lama terjadi di kalangan Orang Temiar contohnya di zaman Sistem Mikong terdapat perkahwinan di antara pembesar Melayu serta wanita Temiar.

...there were persisting kinship relationships between the Temiar and the Malays resulting both from intermarriage... (Noone 1936:54; Benjamin 1966:6).

Selalunya perkahwinan antara wanita Temiar dengan Orang Melayu ini akan menyebabkan wanita Temiar itu hidup di dalam adat Orang Melayu dan keluar dari kampung asalnya untuk mengikut suaminya (Noone 1936:54).

Selain dari perkahwinan campur dengan Orang Melayu dan Orang Temiar terdapat juga perkahwinan di antara masyarakat Temiar ini dengan Orang Inggeris iaitu antara seorang antropologist H.D. Noone yang mengkaji kehidupan masyarakat Temiar serta merangka Akta Orang Asli dengan seorang gadis Temiar bernama Anjang. Ini ialah kerana Noone ingin mengkaji dan meneliti kehidupan masyarakat ini dengan lebih mendalam lagi dan seterusnya menetap di kalangan masyarakat Temiar ini (Holman 1958:51-56).

Di kampung ini juga terdapat dua pasangan yang berasal dari perkahwinan campur iaitu antara wanita Temiar dengan pemuda Melayu dan sepasang lagi antara wanita Temiar dan pemuda Cina.

#### Kes satu.

Bapa Pak Chu dari bangsa Melayu telah berkahwin dengan ibunya seorang wanita Temiar dan menetap di perkampungan Temiar. Beliau mempunyai tiga beradik. Walaupun begitu beliau dan saudara-saudaranya diberi kebebasan untuk memilih corak hidup mereka sendiri. Selepas bapanya

meninggal, Jepun telah menduduki Tanah Melayu. Ini menyebabkan ibu, abang dan adiknya telah berpindah ke Pahang. Ia pula terus tinggal di Kelantan bersama masyarakat Temiar dan mengamalkan adat resam dan corak hidup mereka, berkahwin dengan wanita Temiar dan bertugas sebagai askar. Ini menyebabkan keluarganya seolah-olah terbahagi kepada dua pihak iaitu dirinya yang hidup sebagai Orang Asli dan abang serta adiknya yang menjadi Orang Melayu.

Keadaan ini menyebabkan wujudnya hubungan yang rapat di antara penduduk kampung ini dengan masyarakat Melayu sekitar khasnya kerana mereka masih menganggap Pak Chu sebagai saudara mereka sungguhpun ia mengamalkan adat resam Orang Temiar. Saudara-saudaranya yang berbangsa Melayu sering datang kepadanya untuk menyelesaikan masalah walaupun kadangkala ianya tidak ada kena mengena langsung dengan masyarakat Temiar. Beliau juga sering dianggap sebagai orang tengah sekiranya timbul masalah di antara Orang Melayu dan Orang Temiar terutamanya perselisihan faham. Nasihat beliau selalunya diminta dan beliau boleh bercakap bahasa Melayu dengan fasih.

#### Kes kedua.

Perkahwinan campur di antara seorang lelaki Cina, Ah Coy dan wanita Temiar dari Kampung Cabai. Anaknyanya Amoi ialah penduduk Kampung Chengkelik setelah berpindah dari Kampung Cabai ke sini  $1\frac{1}{2}$  tahun dahulu. Walaupun ia adalah anak dari perkahwinan campur tetapi ia tidak tahu bertutur di dalam bahasa Cina. Ini ialah kerana bapanya telah hidup mengikut cara hidup Temiar. Pada hari ini walaupun emaknya telah meninggal dunia namun bapanya masih terus tinggal di kampung isterinya malah telah

dianggap sebagai seorang Temiar. Amoi juga tidak mengenali keluarga bapanya kerana ia tidak mempunyai sebarang hubungan dengan masyarakat Cina yang bersaudara dengan bapanya. Ini ialah kerana sejak dari kecil lagi beliau telah dididik menjadi seorang Temiar.

Selain dari perkahwinan campur yang melibatkan secara langsung penduduk kampung ini mereka juga mempunyai interaksi dengan bangsa-bangsa lain menerusi perkahwinan campur saudara-mara mereka. Ini termasuklah abang saudara Mak Chu yang berkahwin dengan wanita India dan hubungan mereka adalah baik kerana isteri abang saudaranya itu sering singgah ke kampung ini sebelum ke kampung suaminya di seberang Sungai Betis.

Terdapat juga perkahwinan campur di antara sepupu Kak Rokiah seorang Temiar dengan isterinya yang berasal dari Orang Semai di Tapah, Perak. Namun begitu sepupunya itu telah tinggal di kampung isterinya dan dapat bercakap di dalam bahasa Semai dengan baik. Mereka sering melawat sesama mereka dan ia akan bercakap bahasa Malaysia dengan isteri sepupunya itu kerana ia tidak tahu berbahasa Semai.

Apabila ditanya pendapat mereka tentang perkahwinan campur, kebanyakan dari mereka menyatakan bahawa ianya adalah bergantung kepada diri individu itu sendiri. Mereka tidak akan menghalang sekiranya anak-anak mereka ingin mengamalkan perkahwinan campur. Ini ialah kerana mereka merasakan ia adalah perkara biasa pada masa sekarang dan apa yang penting ialah kebahagiaan anak mereka di masa depan.

Namun begitu terdapat juga golongan yang kurang bersetuju kerana menurut mereka sebagai seorang bapa mereka mempunyai kuasa untuk menentukan perkahwinan anak mereka. Mengikut adat Temiar, mereka tidak dibenarkan berkahwin dengan orang luar dari bangsa mereka terutamanya Orang Melayu disebabkan oleh soal agama. Terdapat seorang wanita di kampung ini yang pernah dilamar oleh seorang lelaki Melayu tetapi beliau

telah menolaknya. Alasan yang diberikannya ialah kampung pemuda tersebut iaitu di Johor terlalu jauh dengan kampung halamannya. Namun begitu menurutnya sebab sebenar beliau enggan ialah kerana beliau tidak mahu bertukar ke agama Islam dan masuk Melayu. Beliau akhirnya berkahwin dengan pemuda sebangsanya.

Oleh sebab itu, perkahwinan campur telah dapat mengwujudkan perhubungan antara masyarakat kampung ini dengan masyarakat luar. Walau bagaimanapun hubungan antara masyarakat Melayu dan masyarakat Temiar di sini paling ketara sekali kerana mereka sering membincangkan berbagai masalah bersama-sama dan masyarakat tersebut sering datang ke kampung ini. Maka perkahwinan campur telah memainkan peranan penting untuk mengwujudkan integrasi antara masyarakat di sini dengan masyarakat luar.

Jika masyarakat di kampung ini agak terbuka di dalam soal perkahwinan campur, ianya agak berbeza dengan penerimaan dua orang Melayu yang bekerja sebagai kelindan lori untuk memungut rotan dari masyarakat Temiar ini. Apabila ditanya akan perkahwinan campur sekiranya ia terjadi kepada anak mereka contohnya dengan masyarakat Orang Asli, mereka menyatakan,

Tak mahulah. Susah sikit Orang Asli ni sebab ia tak ada agama. Lebih baik Cina atau India walaupun agama lain tetap percaya Tuhan. Orang Asli ni lepas tujuh keturunan baru bebas dari kepercayaan dia dan benar-benar suci.

Baiklah anak Pak Cik kahwin dengan Orang Cina atau India.

Manakala seorang lelaki Cina bila ditanya tentang pendapatnya menjawab,

Perempuan Temiar susahla nak bawa keluar dari kampungnya. Dia lebih suka tinggal dekat keluarga dia. Saya pun tak mahulah...Susah.

Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat luar masih tidak dapat menerima Orang Asli menjadi sebahagian dari pasangan perkahwinan campur

sebagaimana yang berlaku di antara masyarakat di luar kelompok Orang Asli. Ini mungkin kerana mereka masih menganggap Orang Asli sebagai masyarakat yang lebih rendah statusnya dari masyarakat lain. Imej seperti ini jika tidak diubah akan menggagalkan usaha kerajaan untuk menyatukan masyarakat Orang Asli ke dalam masyarakat Malaysia.

Menurut salah seorang pegawai JHEOA sungguhpun pada dasarnya perkahwinan campur ini boleh membawa kepada integrasi antara masyarakat dan baik kepada perpaduan negara namun terdapat juga kes di mana ia hanya mendatangkan lebih kesusahan kepada Orang Asli. Ini ialah kerana terdapatnya bukti bahawa Orang Asli hanya dipergunakan untuk mendapat segala keistimewaan hidup di penempatan Orang Asli. Mereka kemudiannya akan meninggalkan isteri-isteri Temiar mereka dan kembali ke tempat asal mereka tanpa sebarang nafkah.

Kedadaan seperti ini akan memberi pandangan negatif kepada Orang Temiar bahawa masyarakat luar tidak mempunyai sifat yang bertanggungjawab dan akan memberi kesan ke atas matlamat kerajaan untuk membantu mereka. Namun begitu oleh kerana ia merupakan persoalan individu maka tiada sebarang tindakan yang dapat diambil untuk melindungi mereka dari dianiaya kecuali jika dilaporkan.

#### 6.4: MASS MEDIA.

Mass Media memainkan peranan yang penting dalam komunikasi. Terdapat dua jenis alat sebarannya iaitu elektronik dan bercetak. Ianya berperanan menyebarkan maklumat dari kerajaan kepada rakyat khususnya untuk pengetahuan dan kebajikan bersama. Di RPS ini perhubungan yang paling penting sekali ialah 'wireless'. JHEOA bertanggungjawab menyeleng-

garakan satu sistem perhubungan wireless dan pengangkutan yang efisien serta menghubungkan ibu pejabat Jabatan dengan cawangan dan juga semua pos-pos pentadbiran dan perubatan di kawasan pedalaman (JHEOA 1980:4). Ini ialah kerana untuk mempercepatkan urusan dari mengambil masa yang lama.

Disebabkan oleh pentingnya peranan mass media dalam usaha kerajaan untuk menyatukan masyarakat maka perlulah Orang Asli didedahkan dengannya. Di radio misalnya terdapat satu rancangan khas untuk Orang Asli yang diadakan dua kali seminggu dalam Bahasa Temiar dan Semai. Rancangan ini selain dari siaran yang lain menjadi sumber utama penduduk di sini mengetahui perkembangan yang berlaku di dalam dan di luar negeri. Semua rumah di kampung ini mempunyai radio yang menggunakan bateri yang bukan sahaja berperanan sebagai hiburan tetapi juga menjadi penghubung di antara masyarakat di sini dengan kerajaan.

Selain dari itu terdapat juga tayangan gambar bergerak yang diadakan sebulan sekali di pusat RPS secara percuma. Sebelum ditayangkan pegawai JHEOA akan memberitahu penduduk RPS dan kawasan sekitar akan kehadiran unit ini. Ianya dilakukan dengan kerjasama Jabatan Penerangan Negara. Sebelum sesuatu filem ditayangkan mereka akan diperlihatkan sebuah rencana yang berbentuk pembangunan negara untuk memberi pengetahuan dan panduan kepada masyarakat di sini. Pertunjukan ini dapat mengeratkan penduduk kampung ini dengan masyarakat luar yang sama-sama datang ke sini kerana mereka akan bergaul antara satu sama lain semasa tayangan ini berlangsung terutamanya dengan pegawai-pegawai JHEOA.

Kalau dulu hiburan yang didapati oleh masyarakat kampung ini hanyalah melalui upacara sewang di mana mereka akan menari sehingga terlupa diri. Upacara ini dulunya tidak dibenarkan kepada Orang luar

disebabkan oleh pantang larang yang tertentu. Namun begitu ianya telah berubah sekarang kerana di masa kini masyarakat luar juga telah boleh turut serta menyertai sewang ini. Malah ianya merupakan satu upacara yang sering dipersembahkan kepada tetamu yang datang ke kampung mereka. Ini dapat mengeratkan interaksi di antara mereka kerana pelawat-pelawat ini akan mengetahui serba sedikit tentang adat resam Orang Asli ini. Walaupun demikian untuk sewang yang berbentuk ritual yang penting ianya masih menjadi larangan kepada orang luar.

Penduduk di sini juga membaca suratkhbar tetapi mereka hanya dapat berbuat demikian sekiranya ke bandar Gua Musang. Selalunya salah seorang penduduk di sini selalu ke sana untuk mendapatkan bekalan bagi kedainya. Orang lain di kampung ini akan meminjam membaca darinya. Mereka juga sering membeli majalah-majalah hiburan. Ini dilihat di dinding rumah mereka yang penuh dengan poster-poster yang selalunya terdiri dari gambar bintang-bintang filem dan orang ternama dari majalah dan akhbar.

#### 6.5: PENGEMBANGAN AGAMA.

Agama juga dapat memainkan peranan di dalam menyatukan masyarakat. Orang Asli Temier mengamalkan Anamisme. Namun begitu di masa sekarang telah ramai di antara mereka yang menganut Islam, Kristian dan Bahai. Ini ialah kerana adanya usaha-usaha dari pendakwah-pendakwah agama yang dapat memikat mereka. Namun begitu didapati bahawa penganut agama Islam adalah yang teramai sekali. Dari bancian 1983/1984 didapati 6600 Orang Asli telah menganut Islam. Ini berbeza dari bancian 1968 di mana hanya 1600 yang memeluk Islam, 700 menganut Kristian dan 350 penganut Bahai. Pada tahun 1974 didapati 50774 masih menganut anamisme, 2671 menganut Islam, 1500 menganuti Kristian dan 1895 bagi Bahai serta 87 untuk lain.



Bagi agama Islam, usaha mendakwah ini dilakukan oleh JHEOA dengan kerjasama Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri dengan bantuan badan-badan sukarela seperti PERKIM, ABIM dan sebagainya. Dan menurut JHEOA, di sini buat masa sekarang hanya agama Islam yang digalakkan untuk Orang Asli oleh kerajaan. Ini ialah kerana pada masa dahulu telah terbukti bahawa sebahagian mubaligh Kristian telah cuba menerapkan unsur komunis di kalangan Orang Asli dan ini boleh mengugat keselamatan negara.

Di RPS ini terdapat sebuah kampung yang seluruh penduduknya adalah beragama Islam iaitu di Kampung Teraneh. Walaubagaimanapun di Kampung Chengkelik ini semua penduduknya masih lagi mengamalkan animisme. Mereka juga mempercayai akan ujudnya satu Tuhan. Apa yang membezakan mereka dengan agama lain ialah kerana tidak mempunyai upacara sembahyang yang khas seperti agama lain. Mereka tidak mahu menerima ajaran Islam kerana bagi mereka ianya terlalu sukar untuk diikuti terutamanya terpaksa sembahyang lima kali sehari, berpuasa di bulan Ramadan, berkhatan bagi lelaki dan lain-lain yang harus dilaksanakan. Selain dari itu mereka juga tawar hati dengan kejadian di mana seorang Asli yang beragama Islam apabila meninggal telah tidak dibenarkan dikebumikan di kubur orang-orang Islam oleh orang Melayu. Ianya selesai apabila berlaku campurtangan pegawai JHEOA dan Majlis Agama Islam Kelantan.

Namun begitu penduduk di sini menyatakan mereka tidak akan menghalang sekiranya anak-anak mereka nanti ingin menganut agama yang lain dari animisme. Ini ialah kerana pada mereka ianya adalah hak individu itu sendiri. Malah ianya tidak mendatangkan masalah untuk anak-anak mereka kerana mereka telah mendaftarkan anak mereka mengikut nama orang Melayu. Ini dapat dilihat di mana anak-anak mereka mempunyai nama seperti Ismail, Norliza, Wahab, Johari dan lain-lain lagi.

## 6.6: KESIMPULAN.

Kebanyakan dari hubungan sosial yang wujud pada hari ini antara masyarakat Temiar dan masyarakat kebangsaan ialah dengan matlamat cuba mengintegrasikan masyarakat Malaysia. Tetapi kebanyakan dari dasar yang dijalankan oleh kerajaan secara teorinya ialah bertujuan untuk menjadikan mereka sebahagian dari masyarakat Melayu. Oleh itu Orang Melayu telah dijadikan model dan kebanyakan polisi kerajaan adalah berasaskan untuk mencapai tujuan ini. Benjamin (1966:51) menyatakan,

It is therefore hardly surprising that even the Temiar (whose language is not in the family family) for instance" ... tend to view the outside world through the screen of Malay culture "and "... those closest to Malay communities have adopted feature of Malay culture...

Ini disebabkan mereka percaya bahawa dunia luar adalah dipunyai oleh Orang Melayu (Great Tradition) berbanding dengan mereka (Little Tradition) kerana tinggal di bukit dan hutan. Menurut Baharon (1973:45),

In the eyes of Malays and Temuan (and other Orang Asli including Temiar) "complete assimilation of elements of Malay culture can only occur when the latter have masuk Melayu (literally to enter the Malay way of life or "become Malay") meaning embracing Islam.

Oleh sebab itulah maka kebanyakan dari polisi kerajaan boleh dikatakan hanya bercorak menjadikan Orang Melayu sebagai sampel. Keadaan ini mungkin memberi kesan yang negatif kerana tidak semua yang baik itu dilakukan oleh Orang Melayu. Misalnya peranan agama Islam, akibat dari pengabaian dan tidak benar-benar faham dan yakin terhadap perbuatan mereka menyebabkan ianya tidak berjaya diterapkan kepada Orang Asli. Malah keadaan ini mungkin memberi contoh yang buruk dan salah tafsir kepada keseluruhan ~~Orang Melayu~~ disebabkan oleh perbuatan sebahagian

kecil Orang Melayu.

Walaupun bagaimanapun matlamat asal dan yang paling penting sekali ialah kerajaan haruslah cuba membantu kehidupan Orang Asli dan menjadikan mereka berpeluang menikmati taraf hidup yang sama dengan bangsa lain. Ini ialah agar imej Orang Asli yang di katakan terencil dan terasing itu akan dapat dihapuskan agar mereka akan dapat diterima sebagai sebahagian dari rakyat negara ini dengan bangsa yang tersendiri dan bukannya terpaksa digolongkan ke dalam etnik yang lebih besar. Ini ialah agar mereka akan dapat berbangga dengan budaya mereka sendiri.

In a long term future of the Orang Asli does not depend on being assimilated into any particular ethnic group but rather on an increased adaptation to the Malaysian nation and to the modern world at large. (Baharon, 1973).

Maka perhubungan sosial memainkan peranan yang penting di dalam usaha kerajaan untuk mengintegrasikan Orang Temiar ke dalam masyarakat kebangsaan. Ini ialah kerana hanya melalui dasar-dasar kerajaan yang berjaya dan dapat meningkatkan taraf kehidupan mereka sahaja yang dapat membuatkan mereka berdikari dan boleh menikmati hak mereka sebagai rakyat Malaysia dan menghapuskan imej mereka sebagai masyarakat yang terasing dan terencil.

The provision of Governmental Services to "tribal societies" is one of the way of promoting and achieving their integration into the wide society. (Kunstador 1967:Vol 1:43).

## BAB 7: KESIMPULAN

### 7.1: HUBUNGAN DENGAN MASYARAKAT LUAR.

Hubungan etnik di antara masyarakat yang berbilang kaum memainkan peranan penting di dalam mencapai integrasi negara. Maka adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menyatukan semua masyarakat di Malaysia agar perpaduan dapat diwujudkan. Keadaan ini juga tidak terkecuali bagi masyarakat Temiar di Kampung Chengkelik. Ini ialah kerana mereka dianggap sebagai masyarakat yang terasing dan terpencil serta tidak mempunyai sebarang ikatan dan hubungan dengan masyarakat luar.

Namun begitu dari kajian yang telah dilakukan kenyataannya didapati adalah bercanggah dari imej yang telah diletakkan pada mereka sejak dari turun temurun lagi. Ini ialah kerana penduduk kampung ini mempunyai hubungan yang luas dan rapat dengan masyarakat sekeliling serta kerajaan dalam berbagai bidang walaupun masih lagi mengekalkan beberapa budaya atau adat resam tradisional mereka. Ini ialah kerana di samping menyahut dasar kerajaan untuk mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat kebangsaan ia juga adalah demi kepentingan mereka sendiri.

Walaupun bagaimanapun penduduk di Kampung Chengkelik ini lebih terdedah hubungannya dengan masyarakat Melayu kerana jarak antara keduanya hanya 8 km sahaja. Selain dari itu hubungan erat ini juga ialah kerana adanya pertalian darah di antara salah seorang penduduk di sini dengan Orang Melayu. Mereka juga turut berhubung dengan masyarakat Melayu di dalam bidang ekonomi dan politik. Meskipun begitu perhubungan dari segi politik lebih penting kerana mereka adalah di bawah parti UMNO yang menjadikan mereka setaraf dengan golongan Bumiputera iaitu Orang Melayu.

Selain dari itu mereka juga berada di bawah pentadbiran JHEOA yang mana hampir keseluruhan dari pegawai-pegawainya terdiri dari Orang Melayu. Tambahan pula kesemua guru-guru yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis ini juga berbangsa Melayu. Ini menjadikan kebanyakan dari pegawai kerajaan yang berhubung dengan mereka adalah dari kalangan Melayu. Terdapat juga seorang doktor persendirian yang berbangsa Melayu di Gua Musang. Keadaan ini menjadikan interaksi antara penduduk kampung ini dengan Orang Melayu menjadi lebih meluas dan ketara.

Di bidang ekonomi pula terdapat dua orang penjual Melayu yang sering datang ke kampung ini. Ia juga menyebabkan wujudnya hubungan yang rapat antara penduduk di sini dengan Orang Melayu. Kehidupan mereka yang lebih banyak terdedah kepada masyarakat Melayu menyebabkan kebanyakan dari kaum lelaki mereka fasih berbahasa Malaysia kerana mereka lebih banyak berhubung dengan masyarakat luar. Keadaan ini juga menyebabkan masyarakat Temiar di sini banyak menerima budaya Melayu di dalam kehidupan mereka contohnya dari segi pakaian dan nama anak-anak mereka. Ini wujud mungkin disebabkan dasar kerajaan yang cuba menjadikan mereka sebahagian dari masyarakat kebangsaan dengan bermodelkan masyarakat Melayu.

Selain dari hubungan dengan masyarakat Melayu, mereka juga mempunyai hubungan yang erat dengan masyarakat Cina. Walaubagaimanapun ianya lebih bermotifkan faktor ekonomi. Ini ialah kerana orang-orang Cina ini merupakan orang-orang tengah atau taukeh-taukeh yang datang ke kampung ini untuk mendapatkan hasil-hasil hutan dari penduduk di sini dan bertindak sebagai pemborong barangan untuk pekedai di kampung ini.

Terdapat juga seorang penduduk di sini yang lahir dari perkahwinan campur dengan masyarakat Cina. Selain dari itu terdapat juga seorang lelaki Cina yang berhubung rapat dengan penduduk kampung ini dengan cara menyewakan

keretanya ke Gua Musang. Beliau juga mengamalkan perkahwinan campur dengan wanita Temiar. Integrasi penduduk di sini dengan masyarakat Cina juga wujud di peringkat sosial di mana terdapat seorang pegawai JHEOA yang mengawasi di bidang pertanian di samping seorang doktor yang didatangkan khas dari Gua Musang yang berbangsa Cina. Walaubagaimanapun penduduk kampung ini lebih banyak berinteraksi dengan masyarakat Cina disebabkan kepentingan ekonomi mereka.

Hubungan mereka dengan masyarakat India tidaklah begitu ketara. Ini ialah kerana mereka hanya berhubung dengan seorang doktor persendirian sekiranya mereka ke Gua Musang serta hubungan mereka dengan isteri salah seorang penduduk dari kampung yang berhampiran. Namun begitu ia tidaklah bererti mereka tidak pernah bergaul dengan masyarakat India di luar kerana terdapat tiga keluarga dari kampung ini yang pernah tinggal di Ipoh dan tinggal di kawasan yang bercampur masyarakatnya.

Mereka juga mempunyai perhubungan dengan masyarakat Orang Asli yang lain contohnya dari masyarakat Semai dari Perak melalui perkahwinan salah seorang saudara penduduk kampung ini. Ini menolak dakwaan bahawa masyarakat Semai tidak dapat dipercayai oleh masyarakat Temiar sejak dari dahulu lagi ( Holman 1958:211,212).

Maka kalau di masa dahulu Orang Asli dikatakan sebagai masyarakat yang terasing dan tertutup tetapi dari kajian yang dilakukan kenyataan ini adalah salah dan tidak berasas sama sekali. Ini ialah kerana dari pemerhatian yang dilakukan didapati masyarakat di kampung ini mempunyai hubungan yang erat terutamanya dengan masyarakat Melayu dan Cina. Ini disebabkan mereka banyak bergantung kepada masyarakat Melayu dari segi politik dan masyarakat Cina dari bidang ekonomi pasaran. Maka dengan adanya penglibatan yang terbuka dari mereka dengan masyarakat luar jadi

adalah tidak benar sekiranya mereka dikatakan sebagai masyarakat yang mundur dan tertutup. Keadaan ini juga terbukti dengan kedatangan empat orang rakyat Jepun yang datang ke kampung ini dengan tujuan membeli sumpitan dan akar-akar kayu semasa kajian dilakukan. Ini menunjukkan pergaulan mereka dengan masyarakat luar telah meluas malah terdapat ura-ura akan kedatangan seorang pengkaji Inggeris ke kampung ini pada tahun hadapan.

#### 7.2: SEBAB-SEBAB KEGAGALAN INTERAKSI.

Meskipun hubungan antara penduduk kampung ini dengan masyarakat luar telah wujud walaupun tidak begitu menggalakkan namun ianya tidak akan tercapai tanpa perhatian yang diberikan oleh kerajaan. Ini ialah kerana dengan adanya dasar-dasar kerajaan ini maka projek-projek yang ada adalah dirancang untuk kepentingan Orang Asli contohnya dari segi kesihatan, pendidikan dan melalui mass media serta komunikasi. Ini semua bertujuan untuk menyatukan masyarakat negara ini walaupun terdapat kegagalan pada sebahagian projek-projek tersebut dalam mencapai matlamatnya. Namun sebagai rumusnya perlulah ditegaskan di sini bahawa persoalan pembangunan Orang Asli sekarang seharusnya tidak lagi ditumpukan kepada dakwaan kerajaan tidak melakukan sesuatu untuk membangunkan mereka tetapi mestilah ditumpukan kepada persoalan sejauhmanakah lagi kerajaan harus mempertingkatkan usahanya untuk memajukan kumpulan masyarakat ini yang jauh tertinggal dalam arus pembangunan negara ( Sulong Mohamad 1986:?).

Hasil dari kajian yang dilakukan didapati bahawa terdapat beberapa sebab utama yang mengagalkan hubungan etnik di antara masyarakat Kampung Chengkelik dengan masyarakat luar. Integrasi yang kurang menonjol ini

menyebabkan timbulnya anggapan bahawa masyarakat Orang Asli ini adalah terdiri dari masyarakat yang tertutup dan terasing. Antara yang menyebabkan imej ini wujud ialah dasar kerajaan sendiri yang dapat dianggap sebagai faktor utama. Ini ialah kerana mengikut Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974) terdapat kenyataan yang melarang orang-orang awam masuk secara bebas ke kawasan Orang Asli yang mana walaupun pada asalnya ianya bertujuan baik untuk melindungi Orang Asli tetapi dari satu sudut ianya terlalu mengongkong kebebasan Orang Asli seolah-olah mereka tidak dapat membuat keputusan sendiri walaupun telah mengalami perubahan zaman.

Masalah taburan geografinya juga menyukarkan perhubungan di antara mereka dengan masyarakat luar. Ini ialah kerana kebanyakan mereka tinggal bertaburan di merata tempat dan di kawasan yang pendalaman walaupun di tempat seperti RPS ini namun keadaannya menyukarkan kewujudan interaksi kerana ketiadaan sistem jalanraya yang baik. Ini ditambah pula dengan perkhidmatan sosial yang tidak dapat berfungsi dengan baik kerana kekurangan tersebut.

Sikap individu juga memainkan peranan yang penting di dalam kegagalan interaksi antara Orang Temiar ini dengan masyarakat luar. Ini ialah kerana masyarakat Orang Asli dikatakan sebagai masyarakat yang sensitif dan mudah tersinggung serta mempunyai perasaan rendah diri apabila bergaul dengan masyarakat lain. Keadaan ini terjadi disebabkan layanan masyarakat luar kepada Orang Asli dikatakan tidak seperti apa yang pernah diberikan oleh Orang Asli kepada mereka di tempat Orang Asli sendiri menyebabkan mereka merasa tidak yakin akan kejujuran masyarakat luar (Uda Hassan Itam 1986:5,6). Ini juga termasuk sikap pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dalam usaha meningkatkan kehidupan masyarakat Kampung Chengkelik. Ini disebabkan kegagalan projek yang dilakukan



banyak bergantung kepada sikap kedua pihak yang terlibat. Tetapi disebabkan sikap endah tak endah kebanyakan pegawai-pegawai tersebut telah menimbulkan kekecewaan dan ketidakyakinan masyarakat di sini. Sikap ini adalah penting kerana ia juga turut mempengaruhi bentuk integrasi yang bakal dicorakkan.

Selain dari itu kurangnya pendedahan oleh pihak kerajaan terhadap kejayaan dan pencapaian yang diperolehi mereka kepada masyarakat umum juga mungkin menyebabkan imej sedemikian masih terus wujud. Ini ialah kerana masyarakat luar hanya menerima sahaja kenyataan yang telah ditulis oleh penjajah yang kebanyakannya tidak memberikan kenyataan yang sebenar. Ini bersesuaian dengan dasar kolonial dahulu yang sukakan sesuatu masyarakat itu hidup dalam kelompok etniknya sendiri untuk menyenangkan urusan pentadbiran.

Namun begitu perhatian berat telah diambil terhadap masyarakat Orang Asli ini setelah wujudnya JHEOA. Tetapi oleh kerana hanya Jabatan ini sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakannya tanpa diselaras-kan dengan semua agensi kerajaan menyebabkan ianya sukar untuk berjaya. Kadar peruntukan yang terhad juga menyebabkan banyak projek-projek kerajaan tidak dapat dilakukan serta menyukarkan keberkesanan dan ini memberi kesan kepada matlamat kerajaan untuk meninggikan kebajikan dan proses pengintegrasian Orang Asli.

Maka, walaupun kehidupan Orang Asli di Kampung Chengkelik ini boleh dikatakan agak terdedah kepada masyarakat luar malah dirasakan yang terbaik taraf kehidupannya dari kampung-kampung lain di RPS ini namun disebabkan masalah yang wujud tadi integrasi secara menyeluruh di antara masyarakat di sini dengan masyarakat luar telah gagal. Tetapi oleh kerana matlamat integrasi ini amat penting maka sewajarnya usaha-usaha

dilakukan untuk mengatasi masalah tersebut.

### 7.3: PENUTUP.

Disebabkan kurangnya keberkesanan interaksi yang wujud di kalangan penduduk Kampung Chengkelik dengan masyarakat luar maka untuk mengeratkan perhubungan di antara mereka wajarlah dilakukan beberapa tindakan. Antaranya difikirkan perlulah ialah:-

- 1) Menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti:
  - a) Membina jalanraya berturap untuk kemudahan perhubungan.
  - b) Menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti air dan api.
  - c) Meminta kerjasama dari agensi pemasaran terutamanya FAMA bagi tujuan pemasaran hasil pengeluaran mereka.
- 2) Akta 134 tentang Orang Asli hendaklah dikaji semula agar keberkesanan perhubungan yang wujud di antara masyarakat luar dan Orang Asli akan lebih terbuka. Ini ialah kerana kesulitan untuk ke kampung Orang Asli serta syarat-syarat yang terlalu melindungi mereka menyebabkan mereka tidak bebas dan berperanan dalam menentukan corak hidup mereka. Ini menyebabkan mereka akan merasa curiga terhadap masyarakat luar.
- 3) Kerajaan juga haruslah lebih memaparkan corak hidup masyarakat di kampung Orang Asli agar gambaran yang lebih tepat akan diketahui oleh masyarakat luar. Peranan ini dapat dilakukan oleh pihak media massa samada yang berbentuk eletronik atau bercetak. Kementerian Penerangan sebagai sebuah agensi kerajaan yang berpengaruh dan menjadi jambatan untuk menghubungkan masyarakat haruslah memberi penerangan yang lebih menyeluruh dan meluas kepada kedua-dua pihak agar integrasi yang dirancangkan akan berjaya.

- 4) Sikap kurang mengambil berat segolongan pegawai-pegawai dan wakil-wakil yang ditugaskan untuk menjaga kebajikan Orang Asli juga perlu diberi perhatian. Sepatutnya mereka haruslah memberi contoh yang baik kerana menjadi model untuk mengwujudkan interaksi antara masyarakat luar dengan masyarakat Orang Asli. Kegagalan mereka menunjukkan tauladan yang baik menjadi punca utama kegagalan matlamat kerajaan untuk mengintegrasikan masyarakat kerana mereka adalah orang yang terdekat dengan masyarakat tersebut.
- 5) Agensi-agensi kerajaan yang lain hendaklah berganding dengan JHEOA untuk mendampingi masyarakat Orang Asli bagi mengetahui masalah mereka di samping untuk membawa perubahan dalam bidang ekonomi, pertanian, pendidikan dan kesihatan. Ini ialah agar mereka tidak ketinggalan dalam bidang-bidang tersebut serta dapat menghasilkan imej baru dalam kehidupan mereka serta dapat mengwujudkan hubungan yang lebih erat dengan masyarakat luar.
- 6) Harapan dan cita-cita Orang Asli hendaklah lebih dititikberatkan terutamanya oleh Wakil-wakil Rakyat yang dipilih mereka agar segala yang mereka cita-citakan atau kehendaki akan tercapai. Ini ialah kerana mereka juga adalah sebahagian dari rakyat negeri ini dan berhak mendapat layanan yang adil dan wajar.

Oleh sebab itu usaha-usaha haruslah dilakukan untuk membawa masyarakat di sini ke arah masyarakat kebangsaan dengan cara mengintegrasikan mereka tanpa mengharapkan kepada JHEOA semata-mata. Ini ialah kerana Jabatan ini sendiri telah mengakui "bahawa tanpa penglibatan yang sepenuhnya usaha yang diselaraskan dari semua pihak maka hasrat kerajaan untuk lahirkan sikap berdikari di kalangan masyarakat Orang Asli serta berinteraksi sepenuhnya dengan masyarakat Malaysia tidak akan tercapai" ( Uda Hassan


Itam 1986:9). Namun begitu apa yang paling penting ialah segala yang hendak dirancangkan itu hendaklah dibawa berunding di antara masyarakat Orang Asli dan pihak-pihak yang akan menjayakannya agar segala yang ingin dilaksanakan itu akan mencapai matlamatnya dan berkesan. Ini ialah agar salah sangka dapat dihapuskan kerana ianya merupakan sebab utama yang dapat menghalang kewujudan perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum.

Walaupun penduduk di sini telah bersikap terbuka dan tiada lagi mempunyai imej sebagai masyarakat yang tertutup dan terasing tetapi disebabkan oleh kelemahan dan dilema yang dihadapi mereka maka kejayaan dan kewujudan mereka dalam perhubungan dengan masyarakat luar tidak disedari. Ini ialah kerana masih terdapat pandangan umum dari masyarakat luar bahawa Orang Asli adalah kolot, kuno dan terasing. Maka diharap dengan adanya pendedahan dan perubahan dalam kehidupan mereka interaksi antara mereka dengan masyarakat luar akan lebih dirasai dan mereka dapat diterima sebagai sebahagian dari masyarakat negara ini. Namun begitu ini tidak bermakna identiti mereka sebagai etnik yang tersendiri haruslah dikorbankan. Carey (1976:35) ada menyatakan,

typically, an Orang Asli thinks of himself first as a member of a particular tribe, second as a member of general aboriginal community and third as a Malaysian...

Maka sewajarnya Orang Asli berbangga dengan etnik mereka sendiri tetapi dengan membuktikan kepada masyarakat kebangsaan bahawa mereka bukanlah lagi bangsa yang kuno dan terasing tetapi telah setaraf dengan masyarakat luar walaupun tidak sepenuhnya dah adalah sebahagian kepada rakyat negara ini.

LAMPIRAN 1: PLAN RUMAH MELATI.





Gambar 1: Pemandangan Kampung Chengkelik dari bangsal menyimpan rotan (yang sudah dijemur).



Gambar 2: a- Bentuk rumah Melati yang asal.  
b- Bahagian dapur yang ditambah.



Gambar 3: Ladang penduduk kampung Chengkelik yang terdapat di seberang Sungai Betis (kebanyakannya ladang pisang). Sungai juga merupakan jalan perhubungan yang penting bagi masyarakat kampung ini.



Gambar 4: Tanaman yang ditanam dikeliling rumah mereka. Beberapa jenis tanaman ditanam bersama-sama.



Gambar 5: Penduduk kampung Chengkelik sedang memasak rotan dalam dapur yang disediakan khas. Kelihatan juga rotan-rotan yang baru diangkut dari hutan.



Gambar 6: Rotan-rotan yang sudah siap diproses diikat dan diangkut ke lori untuk dibawa ke bandar Gua Musang.





Gambar 7: Keadaan dalam kedai runcit di Kampung Chengkelik.



Gambar 8: Seorang penjual sedang melayani pelanggannya yang terdiri dari penduduk Kampung Chengkelik.



Gambar 9: Balairaya Kampung Chengkelik. Terdapat gambar pemimpin negara dan Yang Di Pertuan Agong serta Raja Permaisuri Agong.



Gambar 10: Keadaan dinding rumah penduduk di sini yang ditampal dengan keratan akhbar dan majalah.



Gambar 11: Pejabat pentadbiran JHEOA RPS Kuala Betis,



Gambar 12: Koperasi Kijang Mas yang menjual barang-barang runcit kepada Orang Asli.



Gambar 13: Sekolah Kebangsaan Kuala Betis yang terletak di pusat RPS menyediakan kemudahan pelajaran kepada anak-anak Orang Asli dan penduduk sekitar.



Gambar 14: Klinik di RPS Kuala Betis yang hanya mengendalikan kes-kes ringan.



Gambar 15: Sewang yang menjadi upacara berupa ritual dan hiburan kepada masyarakat kampung ini.



Gambar 16: Antara ubat-ubatan yang dijual di Kampung Chengkelik.



Gambar 17: Jalan balak dan jalan tanah merah yang menghubungkan Kampung Chengkelik dengan kampung sekitar.

Gambar 18: Salah seorang penduduk Kampung Chengkelik. Pakaianya lebih mirip kepada Orang Melayu.



## BIBLIOGRAFI

- Dahlan, H.M.  
1973
- Baharon, A.B.R.  
1973
- Dunn, F.L.  
1975
- 1976
- Indicott, N.  
Benjamin, G.  
1966
- 1967
- 1968a
- 1968b
- Carey, I.  
1961
- 1976
- 1983
- Cole, R.  
1959
- 1977
- Parit Gong: an Orang Asli Community in transition. PhD. thesis, Cambridge University.
- The Temuans and the wider society: integration or assimilation. In H.M. Dahlan (ed.), The Nascent Malaysian Society. Kuala Lumpur: Department of Anthropology and Sociology, UKM.
- Temiar social groupings. Federation Museums Journal, 11: 1-25.
- Temiar kinship. Federation Museums Journal, 12: 1-25.
- Headmanship and leadership in Temiar society. Federation Museums Journal, 13: 1-43.
- Temiar personal names. Bijdragen Tot De Taal-land En Volkenkunde, deel 124: 99-134.
- Tengleg Kui Serok: a study of the Temiar language with an ethnographical summary. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Orang Asli, the aboriginal tribes of Peninsular Malaysia. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Penempatan Semula Orang Asli dari Perspektif Pensejarahan, dalam Isu Ekonomi, Sosial dan Politik Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Temiar Senoi agriculture: a note on aboriginal shifting cultivation in Ulu Kelantan, Malaya. Malayan Forester, 22: Part 1: 191-207; Part 2: 260-271.

- Dentan, R.K.  
1975  
If there were no Malays, who would the Semai be? In Pluralism in Malaysia: myth and reality. J. Nagata (Ed.). Contributions to Asian Studies 7.
- Dunn, F.L.  
1975  
Rain-forest collectors and traders: a study of resource utilization in modern and ancient Malaya, Monographs of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, No.5. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Endicott, K.  
1979  
The impact of economic modernization on the Orang Asli (aborigines) of Northern Peninsular Malaysia. In Issues in Malayan development. J.C. Jackson & M Rudner (Eds.). Singapore: Heinemann.
- 1983  
The effects of slave raiding on the aborigines of the Malay Peninsula. In Slavery, bondage and dependency in Southeast Asia. A. Reid & J. Brewster (Eds.). Brisbane: University of Queensland Press.
- Gomes, A.G.  
1986  
Looking-For-Money: Simple Commodity Production in the economy of the Tapah Semai of Malaysia. PhD. thesis, Australian National University.
- Holman, D.  
1958  
Noone of the Ulu. London: Heinemann.
- Iskandar Juberi  
1974  
Perhubungan sosial antara kaum Bersisek dengan kaum-kaum lain di perkampungan Orang Asli Tanjung Sepat dan Pulau Banting, Kuala Langat, Selangor: satu kajian tentang corak dan kesan. K.L. Latihan Ilmiah Jabatan Anthropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
- Jimin bin Idris  
1972  
A brief note on the Orang Asli of Peninsular Malaysia and their Administration. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia.



Kerajaan Malaysia

1954 (disemak 1974)

Akta Orang Asli, Undang-undang Malaysia-Akta 134.

1961

Dasar Kerajaan berkenaan dengan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia.

1980

Orang Asli. Satu tinjauan ringkas. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia.

1980

RPS Orang Asli Kawasan Titiwangsa, Laporan Kajian Awal-Kuala Betis.

1986

Banci penduduk Orang Asli Semenanjung Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia.

Khalidah binti Abdul Aziz

1974

Dasar pembangunan kerajaan terhadap Orang Asli di Bukit Lanjan dan kesannya kepada corak hidup dan sikap mereka. Kuala Lumpur: Latihan Ilmiah Jabatan Antropologi dan Sosiologi Universiti Malaysia.

Kunstadter, P.

1967

Southeast Asian Tribes, Minorities and Nations. 2 Vols. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.

McLellan, S.

1983

Orang Asli: an analysis of state penetration and development plans on aboriginal peoples in West Malaysia. Unpublished paper presented at the 11th International Congress of Anthropology and Ethnological Sciences, Laval University, Quebec, August 12-13 1983.

Means, G.P.

1985-86

The Orang Asli: Aboriginal Policies in Malaysia. Pacific Affairs, Vol 58, No.4.

Noone, H.D.

1936

Report on the settlements and welfare of the Ple-Temiar Senoi of the Perak-Kelantan watershed. Journal of Federated Malay States Museum, 19(1).

- Noone, R.O.D.  
1972  
Rape of the Dream People, London: Hutchinson.
- Osman S. Cassim  
1978  
Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli di dalam masyarakat Malaysia Modern. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia.
- Roseman, M.  
1982  
What is happening to us here?: the Temiar and the development Malaysian World. Unpublished paper presented at UNESCO regional workshop on Socio-cultural change in communities resulting from economic development and technological progress, Bangi, Selangor, Malaysia, 4-6 October 1982.
- Safian bin Mohd. Nazir  
1976  
Kampung Temakah: a Temiar community in Perak. Provisional Research Report No.4. Pulau Pinang: Social Anthropology Section, School of Comparative Social Sciences, University Sains Malaysia.
- Schebesta, P.  
1928 (1973)  
Among the forest dwarfs of Malaya. Reprinted edition. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Skeat, W.W. & C.O. Blagden  
1906  
Pagan races of the Malay Peninsula, two volumes. London: Frank Cass (1966 reprint).
- Slimming, J.  
1958  
Temiar jungle: a Malayan journey. London: John Murray.
- Sulong bin Mohamad  
1986  
Rancangan Pengumpulan Semula Kuala Betis, satu tinjauan awal, dalam Simposium ke 2, Kehidupan dan pembangunan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 22-23 September 1986.

Tan Chee Beng  
1973

Kampung Ulu Grik: a Senoi-Negrilo  
Resettlement Community in Perak: In  
Mohd. Razha Rashid, Syed Jamal Jaafar  
and Tan Chee Beng, Three Studies on  
the Orang Asli in Ulu Perak. Penang:  
University Sains Malaysia.

Uda Hassan Itam  
1986

Imej Orang Asli dan Interaksi Sosial  
dalam masyarakat Malaysia. Dalam  
Simposium ke 2, Kehidupan dan Pem-  
angunan masyarakat Orang Asli di  
Semenanjung Malaysia, Bangi, Universiti  
Kebangsaan Malaysia, 22-23 September 1986.

Wazir-Jahan Karim  
1986

Ethnicity and Integration: An Orang  
Asli Dilema, dalam Simposium ke 2,  
Kehidupan dan Pembangunan masyarakat  
Orang Asli di Semenanjung Malaysia,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Bangi, 22-23 September 1986.

Williams-Hunt, P.D.R.  
1952

An introduction to the Malayan  
aborigines. Kuala Lumpur: Government  
Press.

Majalah.

1

1. Dewan Masyarakat, 15 Februari 1985.